

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME 10
JILID 10

ISSN 2180-1649

June 2014
Jun 2014

Articles/Makalah

- Kefahaman Belia Mengenai Gagasan 1Malaysia** 1-25
AMINI AMIR ABDULLAH & HANINA HALIMATUSAADIAH
HAMSAN
- Persepsi dan Penerimaan Belia Sabah terhadap Gagasan 1Malaysia** 27-37
MOHD RAHIMI RAMLI, SARJIT S. GILL & AHMAD
TARMIZI TALIB
- Kepercayaan, Motivasi dan Niat Sukarelawan Belia terhadap Aktiviti Sukarela di Malaysia** 39-56
SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI, ISMI ARIF
ISMAIL & AZIMI HAMZAH
- Risk Taking Behavior and Depression among School Based Youth in Malaysia** 57-66
CHOON MIN WAI & MANSOR ABU TALIB
- Isu dan Cabaran Penerima Komputer 1Malaysia** 67-79
LEE KUOK TIUNG, MOHD SAFWAN SAWI, SITI SURIANI
OTHMAN & LIANA MAT NAYAN
- Nurturing the Youth or Democracy in Malaysian Political System** 81-90
NOOR SULASTRY YURNI AHMAD & CHEW PIIN HUANN
- Sikap Muallaf Remaja Cina terhadap Pembelajaran dan Pengurusan Jenazah** 91-101
ABU DARDAA MOHAMAD, RAZALEIGH MUHAMAT @
KAWANGIT & AHMAD TARMIZI TALIB

Peranan Akhbar Membentuk Belia Berwawasan

AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI, SITI ZOBIDAH OMAR
& LATIFAH ABD LATIP

103-117

KEFAHAMAN BELIA DI MALAYSIA MENGENAI¹ GAGASAN 1MALAYSIA

AMINI AMIR ABDULLAH &
HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN

ABSTRAK

Artikel ini berkaitan tahap kefahaman belia mengenai Gagasan 1Malaysia secara umum dan tahap kefahaman belia mengikut kaum. Secara keseluruhan, seramai 1600 orang responden yang terdiri daripada belia telah dipilih untuk kajian ini. Para responden terdiri daripada golongan belia yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak selesa (*convenience sampling*). Sampel yang dipilih mewakili belia daripada pelbagai bangsa dan juga jantina. Dalam hal ini, tidak ditetapkan suatu prosedur asas daripada segi bangsa dan jantina responden. Maklumat diperolehi melalui jawapan daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 20.0. Frekuensi, min, cross tabulation dan peratus digunakan dalam analisa data. Data juga ditafsirkan secara deskriptif untuk menjelaskan angka dan peratusan. Penganalisaan data juga tidak mengeneipkan objektif-objektif kajian bahkan analisa data membantu menjelaskan pencapaian objektif kajian. Para responden telah ditanya dengan 55 soalan berbentuk likert scale yang mencakupi pengujian kefahaman dan pengukuran tahap kefahaman terhadap Gagasan 1Malaysia. Tahap kefahaman belia diklasifikasikan mengikut julat dan skor min yang diinterpretasikan oleh penyelidik. Analisis statistik pula menggunakan skor min dan tahap setiap item bagi mentafsirkan data secara deskriptif. Secara keseluruhan, tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah tinggi. Sungguhpun demikian, kita mengharapkan ia dapat mencapai tahap tertinggi dengan wujudnya usaha-usaha penjelasan yang lebih ekstensif dan menyeluruh. Sebanyak 68.5% belia Malaysia mengakui bahawa kempen-kempen mengenai 1Malaysia menyedarkan mereka mengenai kepentingan perpaduan. 80.9% belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham Gagasan 1Malaysia memupuk semangat pemuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Di samping itu, 79.0% belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham bahawa Gagasan 1Malaysia menampilkan penekanan kepada perpaduan dan keharmonian hubungan antara kaum.

Kata Kunci: Gagasan 1Malaysia, Belia, Malaysia, Kefahaman

¹ Bajet untuk penyelidikan ini disumbangkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBPM).

ABSTRACT

This article is related to the level of understanding of youth on the 1Malaysia concept in general and the level of understanding according to race. Overall, a total of 1600 respondents comprising of youths were selected for this study. The respondents were youths who were selected through random convenience sampling. The samples were selected to represent the youth of all races and genders. In this case, we did not set a basic procedure in terms of race and gender. Information was collected through responses from the questionnaires which were answered by the respondents. The data were analyzed using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0. Frequency, mean, cross tabulation and percentages were used in the data analysis. Data can also be interpreted as a descriptive elaboration to explain the figures and percentages. The data also does not rule out the objectives of the study but the data analysis itself helps to explain the objectives of the study. The respondents were asked 55 Likert Scale questions. The statistical analysis was used and the mean score of each item for interpretation of descriptive data was also explored. Overall, the level of understanding on 1Malaysia concept among the Malaysian youth is high. Nevertheless, we expect it to reach the highest level with the creation of the efforts of a more extensive explanation and comprehensive campaign. A total of 68.5 % of Malaysian youths admitted that the campaign on 1Malaysia concept creates awareness on the importance of unity. 80.9 % of Malaysian youths stated that they understand the 1Malaysia concept in fostering collaboration among different communities. In addition, 79.0 % of Malaysian youths stated that they understand that the 1Malaysia concept featuring an emphasis on unity and harmonious relations between different races.

Keywords: *1Malaysia Concept, Youth, Malaysia, Understanding*

LATAR BELAKANG

Gagasan 1Malaysia adalah satu dasar perpaduan yang dinamik ke arah perpaduan nasional tanpa mengira latar belakang etnik, bangsa, agama dan juga wilayah. Gagasan 1Malaysia tertumpu kepada kesepaduan sosial, perpaduan dan integrasi nasional. Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak adalah bertujuan mewujudkan sebuah negara bersatu padu, aman dan harmoni serta makmur. Kata YAB. Perdana Menteri: "Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita" (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009: 8)

Gagasan 1Malaysia merupakan satu wahana pemeraksanaan perpaduan masyarakat berbilang kaum yang terkini sesuai dengan suasana semasa dan peredaran zaman. Semua kelompok etnik kaum harus keluar dari kerangka lama dan melihat diri masing-

masing sebagai orang Malaysia. Slogan 1Malaysia pula adalah slogan keramat yang melihat kepentingan negara dan agenda nasional sebagai keutamaan yang lebih tinggi berbanding kepentingan kelompok dan peribadi. Pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum mestilah menerusi pemahaman yang jelas terhadap Gagasan 1Malaysia. Tanpa pemahaman yang jelas mengenai Gagasan ini, perpaduan yang kita idamkan tidak akan kesampaian.

Gagasan 1Malaysia diwujudkan bertujuan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang dapat bersatu padu dan hidup dalam keadaan harmoni. Perpaduan adalah prasyarat utama untuk melahirkan negara Malaysia yang aman, maju dan makmur. Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia adalah satu langkah drastik yang amat tepat pada masanya dan bersesuaian dengan aspirasi rakyat jelata. Gagasan 1Malaysia boleh memupuk hubungan antara kaum dan menjalin perpaduan yang lebih kukuh tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan keturunan. Nilai asasi yang perlu ada pada setiap kelompok etnik ialah perasaan saling hormat menghormati, saling faham memahami dan saling percaya mempercayai antara satu sama lain.

Gagasan 1Malaysia juga akan dapat merealisasikan pencapaian jentera kerajaan secara holistik dan mendahulukan rakyat berbanding dengan kepentingan lain. Slogan 1Malaysia 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' memantapkan perkara ini. Slogan ini juga memaparkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat dan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam. Pada masa yang sama tumpuan kepada kedua-dua aspek ini akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Gagasan 1Malaysia bertujuan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat berbilang kaum dan ia adalah satu bentuk 'pelaburan' untuk generasi yang akan datang. Kerajaan mempunyai harapan untuk melihat penambahbaikan berlaku dalam konteks pentadbiran negara dan kebajikan rakyat semua. Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" merupakan satu wahana penting menjana transformasi negara Malaysia dalam semua lapangan dan memupuk perpaduan serta memartabatkan imej negara di persada antarabangsa.

METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang telah diaplikasikan dalam kajian ini. Bahagian ini juga menjelaskan bagaimana penyelidikan dijalankan mencakupi kerangka teoritikal, rekabentuk kajian, lokasi kajian, pemilihan sampel, pra uji, kerja-kerja lapangan, pengumpulan data, pengukuran angkuabah, instrumen kajian dan penganalisan data serta akhir sekali dapatan kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu melalui respon terhadap soal selidik. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengenalpasti tahap kefahaman kelompok belia di Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia.

Reka bentuk kajian menjurus kepada keseluruhan kerangka penyelidikan daripada mula hingga akhir termasuklah proses mendapatkan data dan maklumat berkaitan kefahaman responden mengenai subjek kajian dan jumlah responden yang memberikan respon kepada soalan-soalan penting yang telah digubal hinggalah kepada dapatan hasil penyelidikan. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti tahap kefahaman belia mengenai Gagasan 1Malaysia berdasarkan kepada soalan dan jawapan yang diberikan oleh para responden.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di enam belas buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan lokasi kajian meliputi semua negeri dan Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian kajian ini mempunyai responden yang seimbang yang mewakili semua negeri dan tiga Wilayah Persekutuan di Malaysia.

Profil Sampel Kajian

Secara keseluruhan, seramai 1600 orang responden yang terdiri daripada belia telah dipilih untuk kajian ini. Sejumlah 100 orang responden telah dipilih daripada setiap negeri dan Wilayah Persekutuan. Ini bermakna setiap negeri dan Wilayah Persekutuan diwakili oleh 100 responden. Seramai 100 responden yang terdiri daripada golongan belia dipilih melalui kaedah persampelan rawak selesa (*convenience sampling*). Persampelan rawak selesa membolehkan pengkaji memilih responden secara bebas kerana jumlah populasi yang besar dan mustahil mengambil bahagian dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kesemua belia mempunyai kebarangkalian untuk terpilih dalam kajian ini. Para responden telah dipilih dari setiap negeri dan Wilayah Persekutuan. Maka sifat mewakili yang ada pada setiap responden juga adalah seimbang bagi mewakili setiap negeri dan Wilayah Persekutuan.

Sampel yang dipilih mewakili belia daripada pelbagai bangsa dan juga jantina. Dalam hal ini, tidak ditetapkan suatu prosedur asas dari segi bangsa dan jantina responden. Seperti yang telah dinyatakan, sampel dipilih berdasarkan prosedur persampelan selesa (*convenience sampling*). Maklumat diperolehi melalui jawapan daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Ketepatan hasil kajian

bergantung kepada kejujuran responden menjawab borang soal selidik tersebut dan sifat mewakili belia secara keseluruhan yang mencakupi bangsa dan latar belakang.

Secara keseluruhan, responden yang terdiri daripada belia Melayu berjumlah 1081 orang, Cina (204 orang), India (143 orang) dan bangsa-bangsa lain (172 orang). Jumlah responden Melayu tertinggi dicatatkan oleh negeri Terengganu iaitu seramai 98 orang manakala jumlah responden Cina tertinggi dicatatkan oleh Negeri Sembilan iaitu seramai 32 orang, dan jumlah responden India tertinggi dicatatkan oleh negeri Selangor iaitu seramai 36 orang dan negeri Sarawak mencatatkan jumlah responden kaum-kaum lain tertinggi dengan jumlah responden seramai 90 orang.

Jumlah responden Melayu terendah dicatatkan oleh negeri Sarawak dengan jumlah responden hanya 2 orang manakala jumlah responden Cina terendah dicatatkan oleh Sabah dan Terengganu masing-masing seorang responden, dan jumlah responden India terendah dicatatkan oleh negeri Sarawak (0 responden) dan negeri Sarawak mencatatkan jumlah responden kaum-kaum lain terendah iaitu Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Profil Sampel Kajian mengikut Negeri, Wilayah Persekutuan dan Kaum

Negeri	Kaum				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	
Johor	71	21	8	0	100
Kedah	87	4	6	3	100
Kelantan	79	17	4	0	100
Labuan	66	5	2	27	100
Melaka	80	12	7	1	100
Negeri Sembilan	44	32	24	0	100
Pahang	80	15	4	1	100
Perak	42	29	28	1	100
Perlis	92	4	4	0	100
Pulau Pinang	71	24	5	0	100
Putrajaya	94	2	3	1	100
Sabah	51	1	1	47	100
Sarawak	2	8	0	90	100
Selangor	54	10	36	0	100
Terengganu	98	1	1	0	100
W.P. Kuala Lumpur	70	19	10	1	100
JUMLAH	1,081	2,04	143	172	1,600

Seperti yang telah dijelaskan, secara keseluruhan, responden yang terdiri daripada belia Melayu berjumlah 1081 orang, belia Cina seramai 204 orang, belia India seramai 143 orang dan bangsa-bangsa lain seramai 172 orang. Pada dasarnya, para responden adalah belia berbilang kaum. Selain belia Melayu, India dan Cina yang kebanyakannya terdapat di Malaysia Barat, terdapat belia-belia yang mempunyai pelbagai latar belakang bangsa di Malaysia Timur iaitu di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah keseluruhan belia di Malaysia Timur ialah 133 orang. Kaum Bidayuh merupakan jumlah responden terbesar diikuti oleh Bajau dan Iban manakala jumlah responden terkecil ialah kaum Brunei dan Filipina (Jadual 1.2).

Jadual 1.2: Jumlah Responden Malaysia Timur mengikut Kaum Spesifik

KAUM	JUMLAH	PERATUS
Bajau	19	0.12
Suluk	3	0.3
Bidayuh	68	4.3
Brunei	1	0.1
Bugis	5	0.4
Dusun	9	0.7
Filipina	1	0.1
Iban	13	0.8
Idahan	2	0.1
Kadazan	5	0.4
Melanau	3	0.3
Murut	2	0.2
Orang Asli	2	0.2
Jumlah	133	100.0

Para responden terdiri daripada kelompok belia lelaki berjumlah 738 orang manakala belia wanita berjumlah 862 orang (Jadual 1.3).

Jadual 1.3: Profil Jantina Sampel Kajian

JANTINA RESPONDEN	JUMLAH	PERATUS
Lelaki	738	46.1
Perempuan	862	53.9
Jumlah	1,600	100.0

Daripada segi umur, belia yang berumur 18 hingga 20 tahun berjumlah 541 orang, seramai 571 responden berumur di antara 21 hingga 25 orang, 258 responden berumur di antara 26 hingga 30 tahun, 168 orang responden berumur di antara 31 hingga 35 tahun dan 62 responden berumur di antara 36 hingga 40 tahun (Jadual 1.4).

Jadual 1.4: Profil Umur Sampel Kajian

UMUR	JUMLAH	PERATUS
18-20	541	33.8
21-25	571	35.7
26-30	258	16.1
31-35	168	10.5
36-40	62	3.9
Jumlah	1,600	100.0

Daripada segi agama anutan para responden, belia yang beragama Islam berjumlah seramai 1127 orang, beragama Buddha seramai 159 orang, beragama Hindu 127 orang, Kristian 184 orang dan lain-lain 3 orang. Bagi penganut agama dalam kategori lain-lain ialah penganut agama Bahai, Taoisme dan Animisme (Jadual 1.5).

Jadual 1.5: Profil Agama Sampel Kajian

AGAMA	BILANGAN	PERATUS
Islam	1127	70.4
Buddha	159	9.9
Hindu	127	7.9
Kristian	184	11.5
Lain-lain	3	0.2
Jumlah	1,600	100.0

Daripada segi pekerjaan para responden, belia yang sedang belajar berjumlah seramai 628 orang, penjawat awam seramai 189 orang, bekerja di sektor swasta seramai 430 orang, bekerja sendiri seramai 249 orang dan lain-lain 3 orang. Bagi responden dalam kategori lain-lain ialah mereka yang tidak bekerja, tiada pendapatan atau menganggur. Terdapat tiga (3) orang responden yang tidak menyatakan jenis pekerjaan mereka (Jadual 1.6).

Jadual 1.6: Profil Pekerjaan Sampel Kajian

PEKERJAAN	JUMLAH	PERATUS
Pelajar	628	39.3
Penjawat awam	189	11.8
Swasta	430	26.9
Bekerja sendiri	249	15.6
Tidak bekerja/tiada pendapatan/menganggur	101	6.3
Tiada pernyataan	3	0.2
Jumlah	1,600	100.0

Pengukuran Angkubah

Tiga angkubah digunakan dalam kajian ini iaitu angkubah antisiden, angkubah bebas (IV) dan angkubah bersandar (DV). Angkubah antisiden mewakili nilai yang tidak berubah-ubah seperti umur, pekerjaan, keturunan, bangsa, pendidikan dan sebagainya. Angkubah bersandar mewakili kesan atau *output* dan jika diuji, ia digunakan untuk menilai sama ada angkubah ini memberi kesan ataupun tidak. Angkubah bebas pula mewakili input atau penyebab. Jika diuji, ia merupakan penyebab. Ia juga digunakan untuk menilai. Angkubah bebas dalam kajian ini adalah belia di Malaysia manakala angkubah bersandar pula adalah tahap kefahaman belia terhadap Gagasan 1Malaysia.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini telah dijalankan sekitar bulan Mac hingga Julai 2012. Data kajian ini diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik. Para responden telah diminta menjawab semua soalan yang telah digubal khas untuk tujuan kajian ini. Penggunaan borang soal selidik memudahkan responden untuk menjawab soalan yang diberikan berdasarkan jawapan yang telah disediakan. Pilihan jawapan diberikan berdasarkan kehendak responden dengan menandakannya dalam borang soal selidik.

Borang soal selidik yang lengkap diisi telah diambil semula oleh para enumerator. Data daripada borang soal selidik diisi dalam komputer dan dianalisa.

LIMITASI KAJIAN

Kajian yang dijalankan mencakupi 1,600 orang responden di 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan. Jumlah ini tidaklah terlalu banyak jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan populasi belia. Memang mustahil untuk mengambil semua populasi belia dalam negara ini sebagai responden. Oleh itu kaedah persampelan digunakan untuk mengabsahkan perwakilan keseluruhan populasi belia.

Kajian ini telah dijalankan dalam kalangan belia di seluruh negara. Adalah mustahil untuk menjalankan kajian dan mendapat respon daripada semua belia. Oleh yang demikian, 100 orang belia telah dipilih mewakili setiap negeri dan tiga buah Wilayah Persekutuan. Angka ini dianggap boleh mewakili keseluruhan belia walaupun penyertaan semua belia adalah satu kelebihan dari segi kuantiti.

Belia-belai ini mempunyai pelbagai latar belakang keluarga dan pendidikan. Dalam konteks kajian ini, belia-belai yang kurang berpendidikan kemungkinan tidak memahami Gagasan 1Malaysia berbanding belia yang berpendidikan. Pemilihan responden tidak dapat meleraikan masalah ini kerana responden dipilih secara rawak selesa (*convenience sampling*).

INSTRUMEN KAJIAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Dengan menggunakan borang soal selidik, pengkaji dapat memperolehi jawapan yang lebih sahih memandangkan responden tidak dipengaruhi oleh pengkaji semasa menjawab soalan dalam borang soal selidik.

Di samping itu, data kajian boleh diperolehi pada masa yang ditetapkan oleh pengkaji. Oleh yang demikian ia mampu menjimatkan masa pengkaji dan kos pengedaran soal selidik di samping memudahkan urusan pentadbiran kajian.

Responden dikehendaki menjawab semua soal selidik berdasarkan jawapan yang telah disediakan dalam borang soal selidik tersebut. Sebelum borang soal selidik diedar, beberapa orang arbiter telah dilantik untuk menyemak soal selidik tersebut bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan item-item dalam borang soal selidik tersebut. Pada dasarnya, instrumen kajian mengandungi enam bahagian iaitu:

- i. Muka hadapan
- ii. Bahagian A: Profil responden
- iii. Bahagian B: Soalan yang menguji kefahaman (55 soalan)
- iv. Bahagian C (i): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia (2 soalan pelbagai jawapan pilihan)
- v. Bahagian C (ii): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia (*Likert scale*, 12 soalan)
- vi. Bahagian akhir: Komen bertulis mengenai Gagasan 1Malaysia.

Instrumen ini digunakan untuk mengkaji tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia. Untuk artikel ini, hanya Bahagian B yang dianalisa.

Kebolehpercayaan instrumen diukur menggunakan IBM SPSS versi 20.0 untuk mengetahui nilai *Cronbach Alpha*. *Cronbach Alpha* ialah pengukuran konsistensi

dalam satu set instrumen kajian sebagai satu kelompok soal selidik yang utuh dan layak dipercayai dan boleh digunakan untuk penyelidikan (David de Vaus, 2002). Secara teknikal, *Cronbach Alpha* bukanlah ujian statistik tetapi ia lebih kepada menentukan kebolehpercayaan instrumen (Jadual 1.7).

Jadual 1.7: Profil Pekerjaan Sampel Kajian

BIL	BAHAGIAN	N ITEM	CRONBACH ALPHA
1.	Bahagian B: Soalan yang menguji kefahaman	55	7.15
2.	Bahagian C (i): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia	2	7.34
3.	Bahagian C (ii): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia	12	8.03

Di samping itu, deraf instrumen bagi kajian ini telah melalui pra-uji untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Nilai *Cronbach Alpha* bagi semua soalan melepasi 0.6. Jika nilai *Cronbach Alpha* berada lebih rendah daripada nilai 0.6, maka instrumen yang akan digunakan adalah kurang nilai kebolehpercayaannya. Akan tetapi, jika nilai *Cronbach Alpha* berada lebih tinggi daripada nilai 0.6, maka instrumen yang akan digunakan melepasi tahap kebolehpercayaan.

PRA UJI

Pra uji adalah satu proses untuk menguji instrumen dan reka bentuknya yang kemudiannya boleh diperbaiki. Instrumen diuji daripada segi kebolehpercayaan, kesahan, kandungan, bahasa dan struktur ayat. Ia berpotensi memperbaiki potensi kebolehpercayaan dan kesahan instrumen.

Pra uji melibatkan ujian awalan proses pengumpulan data kajian untuk mengenal pasti dan menghapuskan masalah. Proses pra uji juga membolehkan pengkaji membetulkan soalan yang tidak jelas (samar-samar), sukar difahami, soalan yang bertindih dan soalan yang membuatkan responden tidak selesa.

Seramai 20 orang responden diberikan deraf soal selidik, di mana mereka diminta untuk menyatakan sebarang kemusykilan mengenai soalan tersebut. Soalan

yang tidak jelas, sukar difahami, bertindih dan membuatkan responden tidak selesa sama ada digantikan dengan soalan lain atau distrukturkan semula.

KERJA-KERJA LAPANGAN

Pengkaji telah meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pihak Pejabat Belia Negeri di 16 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Kebanyakan pejabat belia telah memberikan respon yang positif.

Pihak Pembantu Penyelidik dan Enumerator telah memainkan peranan yang proaktif dalam mengedarkan borang soal selidik dan mengambilnya semula untuk dianalisa. Proses mengumpulkan data mengambil masa selama hampir dua bulan dan jangka masa ini boleh dianggap sebagai cepat kerana ia melibatkan 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan. Para responden telah memberikan kerjasama yang memuaskan walaupun ada yang tidak mahu memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Ini adalah satu kelebihan kerana jika mereka dipaksa, maka jawapan dan respon yang diberikan pastinya semborono. Maka, hasil kajian tidak memanifestasikan keputusan yang sebenarnya.

KAEDAH MENGANALISIS DATA

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0. Frekuensi, min, *cross tabulation* dan peratus digunakan dalam analisa data. Data juga ditafsirkan secara deskriptif untuk menjelaskan mengenai angka dan peratusan. Penganalisan data juga tidak mengenenpikan objektif-objektif kajian bahkan analisa data membantu menjelaskan pencapaian objektif kajian.

Dalam kajian ini, analisis data dilakukan berdasarkan kecenderungan positif dan kecenderungan negatif. Kecenderungan negatif memanifestasikan pilihan responden dalam soal selidik berdasarkan kecenderungan kepada pernyataan yang dinyatakan sama ada "tidak faham", "sangat tidak faham" atau "tidak pasti". Kecenderungan positif pula memanifestasikan pilihan responden dalam soal selidik berdasarkan kecenderungan kepada pernyataan sama ada "faham" atau "sangat faham" atau "sangat tepat dengan diri saya".

Dengan erti kata lain, kecenderungan positif menampilkan respon yang baik atau positif manakala kecenderungan yang negatif menampilkan respon yang tidak baik atau negatif.

Dalam analisis data, adalah tidak relevan jika penyelidik hanya mengulang apa yang terdapat dalam jadual. Sebab itu penyelidik telah merumuskan setiap dapatan

kajian dalam bentuk rumusan berdasarkan peratusan majoriti. Bagi kes analisis yang melibatkan kaum, pecahan analisis dilakukan mengikut jumlah kaum dan item-item yang menjurus ke arah menjawab objektif kajian.

Para responden telah ditanya dengan 55 soalan berbentuk *likert scale* yang mencakupi pengujian kefahaman dan pengukuran tahap kefahaman terhadap Gagasan 1Malaysia. Tahap kefahaman belia diklasifikasikan mengikut julat min yang dinyatakan di bawah.

Analisis statistik telah menggunakan skor min dan tahap setiap item bagi mentafsirkan data secara deskriptif. Skor min diterpretasikan dengan menggunakan Jadual 1.8 di bawah:

Jadual 1.8: Tafsiran Skor Min

SKOR MIN	TAFSIRAN
4.50-5.00	Sangat faham (sangat tinggi)
4.00-4.49	Faham (tinggi)
3.50-3.99	Kurang pasti (sederhana)
2.5-3.49	Tidak faham (rendah)
<2.5	Sangat tidak faham (sangat rendah)

Analisis statistik untuk dua soalan berikutnya iaitu medium paling kerap yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia dan medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami gagasan 1Malaysia menggunakan jumlah skor pilihan responden yang tertinggi mengikut urutan hinggalah skor terendah. Medium yang paling kerap dan paling berkesan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia dengan jumlah tertinggi adalah yang paling signifikan dan begitulah juga sebaliknya.

Para responden juga telah ditanya dengan 12 soalan berbentuk *likert scale* yang mencakupi soalan mengenai medium dan kaedah yang digunakan bagi memahami Gagasan 1Malaysia. Respon paling signifikan yang dianalisis ialah pada jawapan “sangat setuju” dan “setuju” yang menunjukkan kecenderungan responden kepada soalan yang diajukan.

Bahagian terakhir yang dianalisis ialah bahagian “Komen”, di mana para responden diminta untuk memberikan komen bertulis mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan Gagasan 1Malaysia. Komen yang diberikan oleh para responden amat berguna untuk memahami pemahaman para belia mengenai Gagasan 1Malaysia kerana mereka yang benar-benar komited sahaja yang akan memberikan respon dalam bahagian ini.

Tahap Kefahaman Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia

Secara keseluruhan, tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah tinggi dengan majoriti belia menyatakan tahap kefahaman pada tahap 4.00-4.49 = Faham (tinggi). Perincian tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia yang dinilai dari segi matlamat pelaksanaan Gagasan 1Malaysia dan falsafah pengenalan gagasan tersebut dipaparkan dalam Jadual 1.9.

Jadual 1.9: Taburan Keseluruhan Tahap Kefahaman Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia

TAHAP KEFAHAMAN	MIN	N	%
Sangat faham	4.50-5.00	397	24.8
Faham	4.00-4.49	666	41.6
Tidak pasti	3.50-3.99	426	26.6
Tidak faham	2.5-3.49	70	4.4
Sangat tidak faham	<2.5	40	2.6

Di samping itu, tahap kefahaman belia berada pada tahap yang tinggi dengan julat purata min 4.00 hingga 4.21. Item 1- “Negara hanya akan maju apabila rakyatnya bersatu padu” mencatatkan tahap kefahaman belia yang tertinggi dengan skor min 4.21 manakala item 10 “Gagasan 1Malaysia amat berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum” mencatatkan tahap kefahaman terendah dengan skor min 4.00. Perincian lanjut mengenai perkara ini dinyatakan dalam Jadual 1.10.

Jadual 1.10: Perbezaan Min Tahap Kefahaman Belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut Skor Tertinggi

ITEM	PERNYATAAN KEFAHAMAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
40.	Negara hanya akan maju apabila rakyatnya bersatu padu.	4.21	0.83
14.	Gagasan 1Malaysia adalah untuk semua rakyat Malaysia.	4.20	0.86
16.	Tema utama Gagasan 1Malaysia ialah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.	4.20	0.92
8.	Gagasan 1Malaysia memupuk semangat permuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.	4.08	0.89

ITEM	PERNYATAAN KEFAHAMAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
9.	Gagasan 1Malaysia menekankan rasa saling hormat-menghormati di antara pelbagai kelompok etnik.	4.07	0.87
48.	Kepelbagaian dalam Gagasan 1Malaysia bermaksud masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, agama dan bahasa.	4.06	0.86
3.	Gagasan 1Malaysia menampilkan penekanan kepada perpaduan dan keharmonian hubungan antara kaum.	4.05	0.84
24.	Gagasan 1Malaysia diperkenalkan bertujuan memperkasa hubungan antara kaum di Malaysia.	4.01	0.87
41.	Gagasan 1Malaysia adalah salah satu dasar kerajaan Malaysia.	4.00	0.85
29.	Gagasan 1Malaysia amat berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum.	4.00	0.86

Perbezaan Tahap Kefahaman Belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut Kaum dan Skor 10 Item Min Terendah

Tahap kefahaman belia mengikut kaum terhadap Gagasan 1Malaysia adalah salah satu daripada objektif kajian. Terdapat 10 item daripada 55 item, di mana tahap kefahaman belia mengikut kaum berada pada tahap yang paling rendah dengan julat purata min 3.67 hingga 3.62. Item 2 - “Kerjasama dan ikatan perpaduan dalam Gagasan 1Malaysia bermula dengan kontrak sosial” mencatatkan tahap kefahaman terendah dengan skor min 3.42 manakala Item 4 - “1Malaysia adalah satu gagasan perpaduan yang berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan” mencatatkan tahap kefahaman ke-10 terendah dengan skor min 3.62. Perincian lanjut mengenai perkara ini dinyatakan dalam Jadual 1.11.

Jadual 1.11: Perbezaan Tahap Kefahaman Belia terhadap Gagasan 1Malaysia Mengikut Kaum Melayu, Cina, India dan Lain-Lain Serta Skor 10 Item Min Terendah

ITEM	PERNYATAAN	Melayu n=1081 MIN	SISIHAN PIAWAI	Cina n=204 MIN	SISIHAN PIAWAI	India n=143 MIN	SISIHAN PIAWAI	Lain- lain n=172 MIN	SISIHAN PIAWAI	MIN KESELURAHAN	SISIHAN PIAWAI
2.	Kerjasama dan ikatan perpaduan dalam Gagasan 1Malaysia bermula dengan kontrak sosial.	3.43	0.92	3.37	0.92	3.67	0.80	3.25	0.96	3.42	0.92
6.	Gagasan 1Malaysia memelihara hak-hak kumpulan minoriti mengikut Perlembagaan Persekutuan.	3.54	0.97	3.29	0.97	3.66	0.94	3.39	0.99	3.50	0.98
18.	Gagasan 1Malaysia mempunyai 8 nilai-nilai teras untuk dihayati.	3.53	0.93	3.35	1.00	3.41	0.97	3.63	0.86	3.50	0.94
35.	Gagasan 1Malaysia bukanlah satu agenda politik.	3.50	1.06	3.39	1.06	3.79	0.88	3.44	1.07	3.51	1.05
37.	Gagasan 1Malaysia mengenyakan kepentingan peribadi dan kelompok.	3.53	0.97	3.39	1.01	3.74	0.92	3.31	1.01	3.51	0.98
54.	Gagasan 1Malaysia bukanlah "One Israel".	3.56	1.17	3.47	1.08	3.65	1.15	3.40	1.22	3.54	1.17
20.	Gagasan 1Malaysia mementingkan perasaan kekitaan.	3.61	0.99	3.57	0.95	3.71	0.91	3.58	1.03	3.61	0.98
47.	Dalam Gagasan 1Malaysia, kita bukanlah sebuah masyarakat sebangsa.	3.67	1.02	3.50	0.93	3.69	0.96	3.57	1.12	3.64	1.02
4.	1Malaysia adalah satu Gagasan perpaduan yang berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan.	3.70	0.92	3.51	0.90	3.86	0.81	3.49	1.01	3.67	0.92
49.	Gagasan 1Malaysia tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.	3.72	0.96	3.55	0.95	3.83	0.93	3.56	1.03	3.69	0.97

Perbezaan Tahap Kefahaman Belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut Kaum dan Skor 10 Item Min Tertinggi

Tahap kefahaman belia mengikut kaum terhadap Gagasan 1Malaysia adalah salah satu daripada objektif kajian. 10 item daripada 55 item di mana tahap kefahaman belia mengikut kaum berada pada tahap yang paling tinggi dengan julat purata min 4.00 hingga 4.50 ialah Item 40- “Negara hanya akan maju apabila rakyatnya bersatu padu.” mencatatkan tahap kefahaman tertinggi dengan skor min 4.21 manakala Item 41 “Gagasan 1Malaysia adalah salah satu dasar kerajaan Malaysia” mencatatkan tahap kefahaman ke 10 terendah dengan skor min 4.00. Perincian lanjut mengenai perkara ini dinyatakan dalam Jadual 1.12.

Jadual 1.12: Perbezaan Tahap Kefahaman Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia Mengikut Kaum Iaitu Melayu, Cina, India Dan Lain-Lain Serta mengikut Skor 10 Item Min Tertinggi

ITEM	PERNYATAAN	Melayu n=1081 MIN	SISIHAN PIAWAI	Cina n=204 MIN	SISIHAN PIAWAI	India n=143 MIN	SISIHAN PIAWAI	Lain- lain n=172 MIN	SISIHAN PIAWAI	MIN KESELURAHAN	SISIHAN PIAWAI
40.	Negara hanya akan maju apabila rakyatnya bersatu padu.	4.28	0.79	4.00	0.88	4.05	0.90	4.13	0.90	4.21	0.83
29.	Gagasan 1Malaysia amat berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum.	4.07	0.82	3.72	0.95	3.88	0.86	3.97	0.94	4.00	0.86
14.	Gagasan 1Malaysia adalah untuk semua rakyat Malaysia.	4.27	0.85	4.06	0.83	3.97	0.83	4.14	0.94	4.20	0.86
16.	Tema utama Gagasan 1Malaysia ialah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.	4.31	0.88	3.86	0.99	3.95	0.88	4.16	0.99	4.20	0.92
8.	Gagasan 1Malaysia memupuk semangat pemuafakan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.	4.15	0.86	3.80	0.89	3.94	0.81	4.08	1.02	4.08	0.89

ITEM	PERNYATAAN	Melayu n=1081 MIN	SISIHAN PIAWAI	Cina n=204 MIN	SISIHAN PIAWAI	India n=143 MIN	SISIHAN PIAWAI	Lain- lain n=172 MIN	SISIHAN PIAWAI	MIN KESELURUHAN SISIHAN PIAWAI
9.	Gagasan 1Malaysia menekankan rasa saling hormat-menghormati di antara pelbagai kelompok etnik.	4.14	0.85	3.80	0.85	3.92	0.83	4.05	0.98	4.07 0.87
48.	Kepelbagaian dalam Gagasan 1Malaysia bermaksud masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, agama dan bahasa.	4.12	0.83	3.80	0.86	4.02	0.85	4.02	0.97	4.06 0.86
3.	Gagasan 1Malaysia menampilkan penekanan kepada perpaduan dan keharmonian hubungan antara kaum.	4.13	0.83	3.77	0.82	3.89	0.77	3.96	0.94	4.05 0.84
24.	Gagasan 1Malaysia diperkenalkan bertujuan memperkasa hubungan antara kaum di Malaysia	4.07	0.87	3.80	0.84	4.02	0.77	3.86	1.00	4.01 0.87
41.	Gagasan 1Malaysia adalah salah satu dasar kerajaan Malaysia.	4.06	0.85	3.78	0.83	3.96	0.82	3.00	3.93	4.00 0.85

KESIMPULAN

Seperti yang telah diperjelaskan, hasil kajian ini menjurus kepada objektif kajian iaitu aspek tahap kefahaman belia Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia secara umum dan tahap kefahaman belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Secara keseluruhan, tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah tinggi. Sungguhpun demikian, kita mengharapkan ia dapat mencapai tahap tertinggi dengan wujudnya usaha-usaha penjelasan yang lebih ekstensif dan menyeluruh. Sebanyak 68.5% belia Malaysia mengakui bahawa kempen-kempen mengenai 1Malaysia menyedarkan mereka mengenai kepentingan perpaduan. 80.9% belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham Gagasan 1Malaysia memupuk

semangat pemuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Di samping itu, 79.0% belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham Gagasan 1Malaysia menampilkan penekanan kepada perpaduan dan keharmonian hubungan antara kaum.

Tahap kefahaman belia mengikut kaum terhadap Gagasan 1Malaysia adalah salah satu daripada objektif kajian. Terdapat 10 item daripada 55 item di mana tahap kefahaman belia mengikut kaum berada pada tahap yang paling rendah seperti yang telah dinyatakan dalam hasil dapatan kajian.

10 item daripada 55 item, di mana tahap kefahaman belia mengikut kaum berada pada tahap yang paling tinggi dengan julat purata min 4.00 hingga 4.50 ialah Item 40 manakala Item 41 mencatatkan tahap kefahaman ke-10 terendah dengan skor min 4.00.

Tahap kefahaman belia Melayu mengikut kaum terhadap Gagasan 1Malaysia daripada 55 item yang diajukan kepada para responden menunjukkan tahap kefahaman belia Melayu paling tinggi ialah Item 16 dengan skor min 4.31 manakala belia Cina ialah Item 14 dengan skor min 4.06, belia India pula ialah Item 40 dengan skor min 4.05 dan belia lain-lain bangsa ialah Item 16 dengan skor min 4.16.

Tahap kefahaman belia Melayu terhadap Gagasan 1Malaysia daripada 55 item di mana ia berada pada tahap paling rendah ialah Item 2 dengan skor min 3.43 manakala belia Cina ialah Item 6 dengan skor min 3.29, belia India pula ialah Item 18 dengan skor min 3.63 dan belia lain-lain bangsa ialah Item 2 dengan skor min 3.25. Seperti yang telah diperjelaskan dalam kajian ini, tahap pemahaman belia mengikut kaum dan item pada tahap-tahap lain (sederhana) berada diantara julat purata min 3.00 hingga 4.50.

Pada asasnya, gagasan 1Malaysia dapat memupuk keharmonian kaum, dan persefahaman antara kaum dengan lebih mendalam. Gagasan 1Malaysia juga dapat memupuk semangat bersatu padu, semangat patriotik dan memupuk semangat perpaduan kaum serta mengeratkan hubungan antara semua kaum dan bangsa di Malaysia. Di samping itu gagasan 1Malaysia dapat mengeratkan silaturahim antara kaum dan mengukuhkan kesepaduan sosial masyarakat Malaysia.

Ini akan menjadikan Malaysia negara yang lebih baik daripada sebelumnya. Di samping itu, gagasan 1Malaysia dapat memperkukuhkan dasar-dasar sedia ada dalam menyatupadukan kaum, etnik dan bangsa. Ia menyemarakkan perpaduan dan mendahulukan rakyat. Oleh yang demikian, gagasan 1Malaysia boleh menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, damai dan harmoni serta dapat memberi kebaikan kepada semua rakyat. Perpaduan dapat dicapai dan semangat muafakat dapat dipupuk jika masyarakat Malaysia benar-benar memahami gagasan 1Malaysia dan mengamalkannya. Persefahaman antara kaum penting untuk merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Penerapan nilai-nilai agama Islam harus dipertingkatkan untuk tujuan penghayatan terhadap dasar ini secara lebih berkesan. Penumpuan terhadap penyatuan fizikal dan fikiran mestilah lebih mendasar dengan memperbanyakkan aktiviti penerangan dan kempen.

Gagasan 1Malaysia, “Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan” merupakan salah satu daripada agenda kerajaan untuk memperkasa perpaduan dan solidariti rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan demikian, negara Malaysia akan menjadi lebih aman, progresif, maju, sejahtera dan makmur. Usaha memperkenalkan dan melaksanakan Gagasan 1Malaysia adalah satu usaha untuk meyakinkan rakyat bahawa ianya selari dengan aspirasi masyarakat berbilang kaum dalam negara ini.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan bahawa Islam adalah agama Persekutuan manakala agama-agama lain bebas untuk diamalkan dalam negara kita ini. Rakyat bukan Islam pula akan faham bahawa Islam itu agama keamanan dan kesejahteraan.

Kajian ini telah membuktikan bahawa Gagasan 1Malaysia membawa aspirasi unik yang menyatupadukan rakyat Malaysia dengan semangat perpaduan yang jitu melalui perasaan saling hormat-menghormati, saling memahami, ikhlas dan saling percaya-mempercayai antara satu sama lain.

Slogan ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan membawa maksud bahawa kerajaan sentiasa mendahulukan rakyat dalam semua perkara yang diinginkan oleh rakyat Malaysia mengikut lunas-lunas perlembagaan dan menekankan prestasi serta pencapaian semua kakitangan dan jentera kerajaan di samping menekankan pentingnya perpaduan dan semangat muafakat yang tulus dalam kalangan rakyat. Kefahaman rakyat Malaysia mengenai perkara ini berada pada tahap baik. Namun demikian, usaha penjelasan dan penerangan perlu diteruskan dan diperluaskan kepada segenap lapisan dan strata masyarakat.

Kerajaan juga menekankan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat melalui pendekatan mesra-rakyat. Kebanyakan rakyat Malaysia memahami Gagasan 1Malaysia yang diuar-uarkan oleh YAB. Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak pada 3hb. April 2009 ketika mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia sebagai satu dasar kerajaan yang mempunyai kepentingan yang murni dan signifikan bersifat jangka masa panjang.

Gagasan 1Malaysia tidak mengenal sempadan geografi, asal usul bangsa serta latar belakang agama. Gagasan 1Malaysia merupakan falsafah negara yang menerapkan nilai-nilai murni untuk mencapai perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita (Rais Yatim, 2011). Perpaduan dan pemuafakatan masyarakat yang berlainan bangsa dan keturunan adalah kriteria utama untuk mencapai negara yang aman, makmur dan berstatus negara maju.

Pemahaman belia dalam perkara ini juga adalah baik. Kita percaya asas kepada kejayaan Gagasan 1Malaysia terletak kepada semangat saling memahami, saling percaya mempercayai dan saling hormat-menghormati dan menerima kepelbagaian etnik dan budaya yang wujud dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Setiap tindak tanduk kerajaan lebih mengutamakan rakyat di samping tidak mengabaikan kebajikan dan keperluan mana-mana kaum ataupun kelompok etnik. Di samping itu, kerajaan juga tidak mengabaikan kelompok Bumiputera melalui dasar afirmatif sedia ada selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pengisytiharan Hari Malaysia yang jatuh pada 16hb. September sebagai cuti umum sememangnya kita alu-alukan sebagai satu langkah yang amat wajar menyambut kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia. Sebenarnya rakyat Sabah dan Sarawak juga adalah rakyat Malaysia yang memerlukan perhatian kerajaan. Oleh yang demikian, kita perlu melipatgandakan program-program pengukuhan perpaduan, integrasi kaum dan program pembangunan ekonomi dan sosial dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak.

Kepelbagaian masyarakat berbilang kaum adalah satu kekuatan dan bukannya kelemahan. Perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat dan kaum yang sedia ada telah terbukti kukuh dan ampuh dengan resipi perpaduan dan keharmonian antara kaum. Gagasan 1Malaysia akan menjadi teras perpaduan negara dan kebanggaan rakyat Malaysia. Apa yang penting ialah setiap rakyat mesti mempunyai sikap, amalan dan semangat untuk merealisasikan hingga menjadi kejayaan.

Apa yang ditekankan oleh YAB. Perdana Menteri ialah penerapan nilai-nilai positif dan murni dalam kalangan masyarakat Malaysia. Nilai-nilai yang dimaksudkan ialah budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti. Kajian ini telah membuktikan bahawa lapan nilai ini difahami oleh kelompok belia di Malaysia.

Adalah menjadi harapan kita untuk melihat gagasan 1Malaysia berjaya dan diterima semua kaum. Semoga matlamat Gagasan 1Malaysia tercapai seiring dengan Wawasan 2020. Gagasan 1Malaysia insyaallah akan dapat membentuk jati diri dan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Teras kejayaan gagasan 1Malaysia ialah toleransi antara kaum dan sikap saling menghormati.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah mengabsahkan pernyataan YAB. Dato' Sri Najib (2011) yang percaya majoriti rakyat Malaysia mula memahami falsafah yang melatari gagasan 1Malaysia.

Gagasan 1Malaysia merupakan satu gagasan yang telah empat tahun diperkenalkan. Dalam usaha kerajaan mempromosinya, adalah mustahil jika rakyat Malaysia masih belum mengetahui mengenainya. Ramai rakyat Malaysia yang mengetahui tentang kewujudan Gagasan 1Malaysia, tetapi apakah mereka memahaminya?

Kajian ini telah meneroka kefahaman belia Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia. Kita juga tidak dapat menafikan bahawa para belia masih tidak faham atau kurang jelas mengenai gagasan yang penting ini. Para belia sepatutnya lebih peka tentang perkara ini kerana ia adalah salah satu daripada dasar kerajaan yang penting.

Kefahaman para belia mengenai Gagasan 1Malaysia adalah baik tetapi masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Para belia sepatutnya perlu lebih memberi perhatian kepada Gagasan 1Malaysia dan program-program yang berkaitan dengannya memandangkan ia memberikan impak daripada segi perpaduan dan hubungan etnik. Apa yang penting mereka mesti berusaha sendiri untuk memahaminya memandangkan terlalu banyak wahana yang menerangkan mengenai Gagasan 1Malaysia yang mudah diperolehi. Para belia seharusnya mempunyai hubungan komunikasi yang baik di antara satu sama lain dan juga kemahiran interaksi sosial.

Kajian yang dijalankan ini hanya terhad kepada 1,600 orang responden. Kajian mendatang mungkin boleh menumpukan fokus kepada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dapatan kajian mungkin sedikit berbeza kerana negeri-negeri ini mempunyai jurang komposisi etnik yang jauh berbeza di Semenanjung Malaysia.

Kajian akan datang mungkin dapat menggunakan instrumen ini dengan beberapa penambahbaikan kecil supaya hasil analisis yang diperolehi adalah lebih baik dan lebih absah. Di samping itu, jumlah responden juga boleh diperbesarkan untuk mendapatkan keputusan yang lebih memberangsangkan.

Di samping itu, pengkaji yang akan datang juga boleh mengkaji kefahaman keseluruhan rakyat Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia dan tidak tertumpu kepada kelompok belia sahaja.

RUJUKAN

- Abdullah Md. Zin. 2011. 1Malaysia: Konsep Wasatiah dan Keadilan Sosial di Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 59-70.
- Ahmad Shabery Cheek. 2010. Semangat 1Belia 1Malaysia: Asas Agenda Hari Ini dan Akan Datang, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 7-16.
- Amini Amir Abdullah. The Concept of 1Malaysia From Islamic Perspectives, *International Conference on Social Sciences*, 8 Oktober 2010 – 9 Oktober 2010, Pine Bay Resort, Izmir, Turkey (9/10/2010, Session D2, Room: 102, 9.00-10.40am)
- Amini Amir Abdullah. 2011. The Concept of 1Malaysia From Islamic Perspectives, *FEM Intellectual Discourse*, 30th March 2011, Time: 10am - 11am, Bilik Sidang, Faculty of Human Ecology, UPM.
- Amini Amir Abdullah. 2012. Gagasan 1Malaysia Bukan One Israel. *Suara Pusat Islam Universiti Putra Malaysia*, 17 Februari.
- Badariah Saibeh. 2011. Tahap Integrasi Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 143-152.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia. 2009. *1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*, http://www.kpkk.gov.my/pdf/Booklet_1Malaysia.pdf
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2009. *1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
- David de Vaus. 2002. *Analyzing Social Science Data*, London: Sage Publication.
- Dg Norizah Ag Kiflee dan Sh. Sahar Sh. Ading. 2011. Pendidikan Sejarah: Penerapan 1Malaysia Dalam Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 143-152.

- Fuad Hassan. 2011. Hubungan Rakyat dan Pemerintah: Hak dan Tanggungjawab Merealisasikan Gagasan 1Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 85-104.
- Ismail Ibrahim. 2011. Gagasan 1Malaysia: Perspektif Islam dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 25-40.
- Kamaruddin Moh. Said. 2010. Slogan 1Malaysia Dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 17-34.
- Menuju Kecemerlangan Global. 2010. Teks Ucaptama YAB. Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Sempena Konvensyen Invest Malaysia 2010 di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur, 30 Mac 2010.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2010. Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru Dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 17-34.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. 2010. Perdana Menteri Malaysia, Gagasan 1Malaysia: Perutusan Sempena Penerimaan Jawatan Perdana Menteri Malaysia ke-6, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 1-3.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. 2010. Perdana Menteri Malaysia, 1Belia 1Malaysia: Perutusan Perdana Menteri Malaysia ke-6 Sempena Hari Belia Negara 2009, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 4-6.
- Mohd. Yusof Othman. 2011. 1Malaysia: Budaya Inovasi dan Kreativiti Dari Perspektif Islam dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 131-144.
- Nik Aziz Nik Pa. 2011. Budaya Ketepatan dan Pembinaan Jati Diri 1Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 105-130.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. 2010. 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti Atau Fantasi, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 77-92.

- Rais Yatim. 2011. Nilai-nilai Murni Dalam Gagasan 1Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 145-152.
- Sahlan Ismail. 2011. (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns.
- Saifuddin Abdullah. 2011. 1Malaysia: Nilai Kesetiaan Ke arah Pembentukan Negara Maju dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 71-84.
- Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 105-118.
- Shaharuddin Badaruddin, Azlan Ayob dan Mazlan Che Soh. 2010. Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 53-76.
- Siti Khariah Mohd. Zubir . 2011. Peranan Bahasa, Sastera dan Budaya Dalam Membentuk Perpaduan 1Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 515-540.
- Siti Khariah Mohd Zubir dan Mohd Ra'in Shaari. 2010. Peranan Beliawanis Sebagai Modal Insan Memenuhi Gagasan 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 77-92.
- Surveys Show 1Malaysia Concept Rightly Understood, Accepted". BERNAMA Online, 12 Julai 2012, <http://www.bernama.com/bernama/v6/newsgeneral.php?id=680098Cached>
- Surveys Show 1Malaysia Concept Rightly Understood, Accepted", The Borneo Post, 13 Julai 2012, <http://www.theborneopost.com/2012/07/13/surveys-show-1malaysia-concept-rightly-understood-accepted/>.
- Syed Ahmad Lokman Syed Mansur. 2009. *Perbezaan Antara Gagasan 1Malaysia dengan Malaysian Malaysia, Tanwir: Pencerahan Pemikir Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).

Teks Ucapan YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Sempena Istiadat Mengadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat Malaysia Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Istana Negara, 6 Jun 2009.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2011. Budaya Ilmu dan Gagasan 1Malaysia Dalam Konteks Pembinaan Negara Maju dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Ilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 1-24.

Profil Penulis:

Amini Amir Abdullah, PhD
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Hanina Halimatusaadiah Hamsan, PhD
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA SABAH TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

MOHD RAHIMI RAMLI, SARJIT S. GILL
& AHMAD TARMIZI TALIB

ABSTRAK

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak pada April 2009 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum sebagai asas keharmonian dan keamanan negara. Namun untuk mencapai hasrat murni tersebut, kerjasama dan penyertaan masyarakat amat perlu terutama golongan belia yang merupakan generasi pewaris pemimpin negara pada masa akan datang. Tanggapan yang salah terhadap konsep Gagasan 1Malaysia pasti menghalang negara mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi dan penerimaan belia di Kota Kinabalu, Sabah terhadap Gagasan 1Malaysia. Responden kajian adalah seramai 391 orang yang berumur 18 hingga 40 tahun yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Cina, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra, lain (etnik-etnik minority), Melayu, Murut, India dan lain-lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap persepsi positif terhadap Gagasan 1Malaysia (90%). Sementara itu, tahap penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah sederhana (95.7%). Di samping itu, kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kaum tentang persepsi belia terhadap Gagasan 1Malaysia manakala tiada perbezaan yang signifikan antara faktor kaum tentang penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia. Ternyata tahap penerimaan belia pada tahap kurang memuaskan dan boleh menjejaskan kejayaan Gagasan 1Malaysia yang dianggap sebagai wadah penyatupaduan nasional.

Kata Kunci: Persepsi, Penerimaan, Belia, Gagasan 1Malaysia

ABSTRACT

The 1Malaysia concept introduced by Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak in April 2009 aimed to strengthening national unity as the foundation of harmony and peace of the country. However, to achieve this, cooperation and participation of the community is essential, especially the youth who are the leaders in the future. The misconception towards 1Malaysia concept will hinder country in achieving success. Therefore, this study aimed to identify the perception and acceptance of youth in Kota Kinabalu, Sabah towards the 1Malaysia concept. Respondents were 391 people aged 18 to 40 years from different ethnic groups such as Chinese, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra, other (ethnic minorities), Malay, Murut, India and others. The findings showed that the majority of respondents have

a positive perception towards 1Malaysia concept (90 %). Meanwhile, the level of acceptance of youth against the 1Malaysia concept was moderate (95.7 %). Besides, the study also found that there are significant differences between the factors of youth perceptions of 1Malaysia while there are no significant differences between the factors of the acceptance of youth against the 1Malaysia concept. Obviously, the level of acceptance of youth is at satisfactory level and can affect the success of the 1Malaysia concept which is considered as a means of national integration.

Keywords: Perception, Adoption, Youth, 1Malaysia

PENGENALAN

Gagasan 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Tun Razak pada April 2009. Cetusan idea ini bertitik tolak dari persediaan negara mencapai Wawasan 2020, negara Malaysia memerlukan satu model pembangunan yang menyeimbangkan antara pembangunan fizikal dan pembangunan bangsa yang lebih bertamadun dalam konteks ‘bangsa negara yang maju’. Idea Gagasan 1Malaysia (G1M) bertepatan dengan keperluan negara yang tidak sampai sedekad sahaja lagi merealisasikan ‘status negara maju’ menjelang tahun 2020.

G1M adalah wadah pembangunan bangsa yang memberi penekanan terhadap pemupukan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang multi-etnik (Booklet 1Malaysia, 2010; Mustafa, 2010; Ku Hasnan, 2010; Haslinda & Zaid Ahmad, 2011; Noor Sulastry, 2010). Oleh itu, pembangunan belia yang menjadi aspek utama dalam pembangunan negara bagi menyediakan modal insan yang berkualiti dalam menyahut cabaran arus perdana telah mengambil kira soal masalah perpaduan antara kaum (Abdul Rahman (2009). Menurut Lee Yok Fee (2009), kepelbagaian kaum di Malaysia menjadi cabaran dalam pembangunan bangsa, manakala G1M bukanlah idea baru namun ianya suatu idea yang meneruskan kesinambungan pembangunan bangsa yang diketengahkan oleh Mantan-mantan Perdana Menteri Malaysia (Kamaruddin, 2010).

Peristiwa 13 Mei, menjadi pengajaran kepada negara bahawa isu perpaduan bukanlah suatu yang remeh dan perlu diberi perhatian yang serius agar pembangunan yang dikecapi tidak lenyap sekelip mata angkara kerapuhan ikatan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. G1M diperkenalkan bagi mengintegrasikan kaum di bawah paksi bangsa 1Malaysia.

Idea G1M didokong oleh teras-teras perpaduan, seperti mana konsep penerimaan sebagai pelengkap kepada konsep toleransi yang terkandung dalam ideologi Rukun Negara. Manakala keadilan sosial menjadi keutamaan sebagai kerangka asas pembangunan, namun G1M ini masih berasaskan prinsip kenegaraan dengan

menghormati kontrak sosial setiap hak kelompok masyarakat di Malaysia yang sedia ada dalam Perlembagaan Negara.

Namun, pada peringkat awal idea ini diketengahkan pelbagai persepsi dan tanggapan masyarakat terhadap G1M malah idea ini turut disamakan dengan ‘*Malaysian Malaysia*’. Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur (2010), menyatakan terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan ‘*Malaysian Malaysia*’ yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew. Hal ini, merupakan sesuatu yang boleh mengelirukan dan menjadi suatu persoalan sejauhmana tanggapan dan penerimaan masyarakat terhadap G1M.

Di samping itu, Ku Hasnan (2010), beranggapan 1Malaysia ialah konsep memperkasakan kemampuan dan kebolehan setiap warganegara berfikir melepasi sempadan kaum masing-masing. Hal ini bermakna rakyat Malaysia harus mengambil tahu dan mengambil berat akan nasib kaum-kaum yang lain dan bukan hanya memikirkan kepentingan kaum sendiri sahaja. Definisi ini turut mengaitkan tanggungjawab kepimpinan negara, di mana para pemimpin perlu melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak rakyat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Idea G1M merupakan idea membina satu bangsa yang bersatu padu di bawah satu paksi ‘Bangsa 1Malaysia’ namun cabaran untuk merealisasikan agenda pembangunan ini bukanlah suatu perkara yang sangat mudah. Setiap aspek perlu dipadankan dengan peruntukan hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan. Konsep penerimaan sebagai asas pemupukkan integrasi kaum yang diketengahkan dalam G1M tidak akan tercapai sekiranya masyarakat tidak menerima dan beranggapan negatif terhadap G1M.

Menurut Mustafa Ishak (2010), setiap model yang dipraktikkan di Malaysia berasaskan prinsip kontrak sosial pra-merdeka yang menjadi prinsip fundamental perlu dihormati oleh semua etnik. Sebarang bentuk tentangan dari mana-mana pihak bagi menggugat prinsip kontrak sosial tersebut akan mendapat tentangan malah dianggap sebagai satu ‘penderhakaan’ ke atas prinsip asas penubuhan negara Malaysia yang menerima konsep kepelbagaian budaya dan etnik dalam masyarakat majmuk.

Pemupukan semangat perpaduan yang diusahakan melalui G1M tidak akan berkesan sekiranya ketidakfahaman sesuatu kaum terhadap budaya dan adat resam sesuatu kaum yang lain, proses sosiolisasi antara kaum yang terhad, suasana politik dalam negara yang berasaskan kaum, dan cabaran mentaliti, iaitu tanggapan (termasuk tingkah laku) yang tidak tepat atau salah terhadap sesuatu kaum seperti stereotaip, prasangka (prejudis), diskriminasi dan etnosentrisme (Shaharuddin *et al.*, 2010).

Kajian Tarmizi *et al.*, (2012) mengenai tahap pemahaman, persepsi dan penglibatan belia terhadap G1M mendapati bahawa tahap pemahaman belia di Semenanjung adalah sederhana manakala persepsi belia pula berada pada tahap yang tinggi. Namun kajian ini turut mengkaji tahap penglibatan belia Semenanjung dalam program anjuran G1M dan mendapati tahap penglibatan berada pada tahap rendah. Hasil tinjauan, pola dapatan ini dipengaruhi oleh kekaburan masyarakat terhadap matlamat dan kepentingan G1M.

Sementara itu, Mohd Fuad dan Junaidi (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa 73.1 peratus dalam kalangan belia menyokong hasrat kerajaan dalam memperkukuhkan agenda pembangunan belia negara. Manakala 71.0 peratus belia menyokong dan menghayati G1M: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Majoriti responden mengambil kira sama ada keperluan mereka dipenuhi atau tidak dari semua aspek terutama aspek ekonomi dan sosial serta kerohanian dan kebebasan bersuara dan berpolitik.

Namun, dapatan kajian sebelum ini jelas berbeza dengan Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur (2010), terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan ‘*Malaysian Malaysia*’ yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian secara tinjauan iaitu pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik dipilih sebagai metodologi kajian. Seramai 391 responden yang berumur 18 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak sampel kajian. Responden terdiri daripada pelbagai kaum seperti Cina, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra lain (kaum-kaum minoriti), Melayu, Murut, India dan lain-lain. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah berstrata digunakan sebagai teknik pensampelan. Saiz sampel diambil daripada populasi belia di Kota Kinabalu dan merujuk kepada kaedah penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1960), dengan memilih seramai 391 orang sebagai responden. Hasil kajian tertumpu kepada 2 aspek utama, iaitu persepsi dan penerimaan belia. Selain itu, analisis ujian *One Way ANOVA* digunakan untuk menentukan perbezaan persepsi dan tahap penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut jenis kaum yang terdapat di negeri Sabah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada 4 peringkat, iaitu 59.3 peratus yang berumur 18 hingga 23 tahun, 24.0 peratus responden pula terdiri antara 24 hingga 29 tahun. Manakala responden yang berumur di antara 30 hingga 35 tahun menyumbang sebanyak 11.8 peratus dan 4.9 peratus responden sahaja berumur

di antara 36 hingga 40 tahun terpilih menjadi sampel. Taburan jantina, majoriti responden terdiri daripada responden perempuan, iaitu 57.5 peratus dan diikuti 42.5 peratus sahaja. Taburan dari segi kaum, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah kaum Cina yang menyumbang sebanyak 30.5 peratus responden. Sementara itu, kaum Bajau merupakan kaum kedua terbesar dalam populasi dan kaum ini terdiri daripada 20.7 peratus terpilih sebagai sampel kajian. Kaum Kadazan Dusun adalah kaum ketiga terbesar, dan telah menyumbang sebanyak 20.5 peratus terhadap sampel kajian. Manakala bagi Bumiputra lain 18.7 peratus terpilih sebagai sampel. Selain itu, 11.5 peratus responden dari kaum Melayu turut menyumbang kepada saiz sampel kajian. Selebihnya, sampel terdiri daripada kaum Murut dan India dan masing-masing terdiri daripada 4 orang atau 1.0 peratus. Taburan mengikut agama majoritinya terdiri daripada penganut Islam, iaitu 50.9 peratus, diikuti dengan Kristian 33.2 peratus, Buddha 15.3 peratus dan agama lain 5 peratus manakala tahap pendidikan sebahagian besar terdiri daripada pendidikan yang tinggi, iaitu peringkat SPM 30.7 peratus, STPM 15.9 peratus, Diploma 19.4 peratus, Bachelor 19.2 peratus, PMR 6.6 peratus, UPSR 2.6 peratus dan lain-lain sebanyak 4.3 peratus.

Jadual 1: Taburan Keseluruhan Demografi Responden Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Item	(n)	Peratusan (%)
Umur		
18 – 23	232	59.3
24 – 29	94	24.0
30 – 35	46	11.8
36 - 40	19	4.9
Jantina		
Lelaki	166	42.5
Perempuan	225	57.5
Kaum		
Cina	104	26.6
Bajau	81	20.7
Kadazan Dusun	80	20.5
Bumiputra Lain	68	17.4
Melayu	43	11.0
Murut	4	1.0
India	4	1.0
Lain-lain	7	1.8
Agama		
Islam	199	50.9
Kristian	130	33.2

Item	(n)	Peratusan (%)
Buddha	60	15.3
Lain-lain	2	5.0
Tahap Pendidikan Tertinggi		
UPSR	10	2.6
PMR	26	6.6
SPM	120	30.7
STPM	62	15.9
DIPLOMA	76	19.4
BACELOR	75	19.2
MASTER	5	1.3
Lain-lain	17	4.3

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden belia mempunyai tahap persepsi positif (skor 31 hingga 50) adalah sebanyak 90.0 peratus dengan kekerapan 352 responden manakala skor negatif (skor 10 hingga 30) hanyalah sebanyak 10.0 peratus dengan kekerapan 39 responden sahaja.

Dapatan ini, bertepatan dengan kajian Tarmizi *et al.*, (2012) yang mendapati majoriti responden berada pada tahap yang tinggi. Persepsi yang positif terhadap G1M membolehkan idea ini dihayati sepenuhnya dan nilai yang terkandung dalam G1M akan dapat diterima dan dihayati. Sekiranya persepsi yang negatif, akan membantutkan pembangunan bangsa mengikut acuan G1M.

Jadual 2: Tahap Persepsi Belia Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Tahap	n	Peratusan
Positif	352	90.0 %
Negatif	39	10.0 %
Jumlah	391	100.0 %

Jadual 3, menunjukkan hasil kajian tahap skor penerimaan belia yang tinggi (skor 38 hingga 50) hanya sebanyak 3.6 peratus dengan kekerapan 14 responden. Sementara itu, skor sederhana (24 hingga 37) adalah sebanyak 95.7 peratus dengan kekerapan 374 responden manakala skor rendah (skor 10 hingga 23) adalah sebanyak 0.8 peratus dengan kekerapan 3 responden sahaja.

Jadual 3: Tahap Penerimaan Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Tahap	n	Peratusan
Tinggi	14	3.6 %
Sederhana	374	95.7 %
Rendah	3	0.8 %
Jumlah	391	100 %

Hasil dapatan ini, berbeza dengan kenyataan kajian daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang mendapati 86.4 peratus menerima G1M semasa siding Dewan Rakyat. Kajian ini diperoleh berdasarkan kaji selidik terhadap 30,077 responden meliputi masyarakat pelbagai kaum yang dijalankan pada tahun 2012. Produk yang berasaskan 1Malaysia adalah faktor penerimaan rakyat Malaysia terhadap G1M (Berita Harian, 2013).

Penerimaan belia terhadap G1M penting sebagai asas pembentukan semangat perpaduan yang lebih utuh dengan mengambil pendekatan penerimaan sebagai ikatan semangat perpaduan. Seperti mana Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengajak rakyat berpindah dari konsep toleransi kaum kepada konsep penerimaan kaum bagi memantapkan lagi perpaduan di Malaysia. Namun, hal ini tidak bermakna dan tidak akan dicapai sekiranya rakyat tidak berganjak daripada penerimaan untuk menghapuskan tembok pemisah antara berbilang kaum (Utusan Malaysia, 2011).

Jadual 4: Perbezaan Persepsi Belia Mengikut Kaum di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Dimensi	Min	SP	F	P
Persepsi			2.719	.009
Cina	35.1635	4.00512		
Bajau	36.1852	5.48888		
Kadazan Dusun	35.6500	4.78685		
Bumiputra lain	37.6912	5.49968		
Melayu	35.1395	3.93750		
Murut	39.0000	4.89898		
India	33.2500	2.21736		
Lain-lain	33.0000	4.93288		

Berdasarkan kaedah penentuan analisis ANOVA, jika nilai signifikan atas atau lebih besar daripada 0.05, maka tiada perbezaan antara kumpulan tersebut. Jika sebaliknya, nilai signifikan yang diperolehi bawah atau lebih kecil daripada 0.05,

maka terdapat perbezaan antara kumpulan tersebut. Berdasarkan Jadual 4 mengenai perbezaan persepsi berdasarkan kaum, hasil analisis ANOVA mendapati nilai signifikannya, ialah 0.009 dan nilai signifikan ini lebih kecil daripada nilai *alpha* 0.05 membuktikan bahawa wujud perbezaan persepsi antara responden berdasarkan jenis kaum. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang persepsi antara responden mengikut jenis kaum terhadap G1M.

Jadual 5: Perbezaan Penerimaan Mengikut Belia Mengikut Kaum di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Dimensi	Min	SP	F	P
Penerimaan			1.099	.363
Cina	31.6346	2.80103		
Bajau	31.6914	2.79572		
Kadazan Dusun	31.6500	2.40832		
Bumiputra lain	32.3235	3.32535		
Melayu	31.0930	2.32803		
Murut	32.5000	4.04145		
India	32.2500	4.85627		
Lain-lain	30.2857	2.62769		

Jadual di atas menunjukkan hasil nilai signifikan ANOVA bagi penerimaan ialah 0.363. Hasil analisis ANOVA mengenai perbezaan penglibatan mengikut kaum memperolehi nilai signifikan 0.363 dan nilai signifikan ini lebih besar daripada nilai *alpha* 0.05 membuktikan bahawa tiada perbezaan tahap penerimaan antara responden mengikut kaum. Justeru, tiada perbezaan yang signifikan tentang penerimaan antara responden mengikut jenis kaum terhadap G1M.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mendapati persepsi belia terhadap G1M berada pada tahap yang memuaskan. Ini menggambarkan peranan semua pihak yang telah berusaha untuk memberi gambaran yang lebih baik mengenai G1M telah berjaya mengubah pandangan awal masyarakat terutama para belia yang sebelum ini masih ragu-ragu terhadap idea baru ini. Namun tahap penerimaan masih berada pada tahap sederhana. Hasil analisis berdasarkan maklumat daripada kerja lapangan penulis, sebahagian besar responden kurang menerima G1M adalah kerana pelaksanaan G1M masih belum menampakkan perubahan yang ketara dari sudut keseluruhan pencapaian mengikut matlamat dan visi G1M ini. Oleh itu, dapatan ini menjadi cabaran kepada pihak berwajib sama-sama lebih berusaha agar G1M ini tidak dilihat cantik pada visinya namun hakikat pelaksanaannya tidak memberi erti dan bermanfaat manfaat di mata masyarakat yang menjadi hakim kepada badan pemerintah.

Manakala hasil dapatan juga mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara jenis kaum di Sabah. Ini menunjukkan maklumat mengenai G1M yang diterima oleh setiap setiap kaum tidak seimbang dan membolehkan timbulnya persepsi yang berbeza di antara kaum tersebut. Namun perbandingan tahap penerimaan antara jenis kaum, mendapati tiada perbezaan yang signifikan. Jelas dapatan ini mendapati semua kaum menerima G1M secara sederhana sahaja.

Justeru, majoriti belia setiap kaum perlu berperanan aktif untuk mendapat maklumat yang lebih banyak dan tepat agar tidak terdicir dari arus pembangunan terkini. Belia juga harus terlibat dalam setiap perancangan program agar setiap program pembangunan yang dianjurkan tidak hanya sekadar memenuhi ruang kekosongan tanpa memenuhi tuntutan keperluan golongan sasaran. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai pelengkap ruang kekurangan kajian di Sabah mengenai G1M dan menjadi petanda aras kepada pembangunan belia dan kejayaan G1M di negeri itu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2009. *Kepelbagaian Kaum, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa*. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 196-211. Putrajaya: JPNIN & USM.
- A.T.Talib, Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, & Ayuni Isa. 2012. *Kefahaman, Persepsi, dan Penglibatan Golongan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia*. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib*, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM).13-15 September 2012.
- Berita Harian, 26 Jun 2013. Penerimaan rakyat terhadap konsep Gagasan 1Malaysia capai 86.4 peratus: Ahmad Shabery.
- Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. 2011. *Hubungan Keluarga dan Kesedaran Agama dalam Kalangan Belia Berisiko Pelbagai Kaum di Malaysia*. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzuhailmi Dahalan (pnyt.) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 39-49. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamaruddin Mohd. Said. 2010. *Slogan 1Malaysia Dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 17-34.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size For Research Activities Educational And Psychological Measurement*, Vol. 30: 607-610.
- Ku Hasnan Ku Halim. 2010. *Meniti Gagasan 1Malaysia, Pemikir*, Vol. 62. Oktober-Disember 2010, Bangi : Utusan Karya Sdn. Bhd.

- Lee Yok Fee. 2009. Memahami Proses Membina Bangsa Malaysia: Satu Perspektif Sosiologi. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 254-270. Putrajaya: JPNIN & USM.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (2). pp. 67-76. ISSN 2180-2491
- Mohamed Mustafa Ishak. 2010. Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 35-51.
- Noor Sulastry, Y.A. 2010. 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 76-91.
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 104-116.
- Shaharuddin Baharuddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh. 2010. Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 52-75.
- Utusan Malaysia, 28 Julai 2011. PM ajak rakyat pindah kepada konsep penerimaan kaum.

Profil Penulis:

Mohd Rahimi Ramli, Msc
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
rahimiramli44@gmail.com

Sarjit S. Gill, PhD
Ketua Jabatan/ Profesor Madya
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
sarjit@upm.edu.my
 Tel: +60389467062



Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Ketua Jabatan/ Profesor Madya

Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor

43400, Malaysia.

tarmizi@upm.edu.my

Tel: +60389467141

KEPERCAYAAN, MOTIVASI DAN NIAT SUKARELAWAN BELIA TERHADAP AKTIVITI SUKARELA DI MALAYSIA

SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI,
ISMI ARIF ISMAIL & AZIMI HAMZAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kepercayaan, motivasi dan niat sukarelawan belia terhadap aktiviti sukarela di Malaysia. Kajian adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Sebanyak 342 orang responden daripada sukarelawan belia dipilih daripada persatuan belia di seluruh Malaysia. Kesemua data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan majoriti sukarelawan belia berada pada tahap kepercayaan (7.32), motivasi (7.54) dan niat (7.44) yang tinggi. Keputusan analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan ($r = .697, p = .000$), motivasi ($r = .874, p = .000$) dan niat ($r = .287, p = .000$) terhadap aktiviti sukarela. Analisis regresi pula mendapati faktor kepercayaan, motivasi dan niat memberi sumbangan (86.7%) terhadap penglibatan sukarelawan belia terhadap aktiviti sukarela. Hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan untuk membantu pihak yang bertanggungjawab dalam merancang strategi dan memperkemas program dan aktiviti sukarela di Malaysia.

Kata Kunci: *Sukarelawan Belia, Penyertaan, Kepercayaan, Motivasi, Niat*

ABSTRACT

This study aims to determine the level of belief, motivation and intention among youth volunteers towards volunteering activities in Malaysia. The study is a survey research using questionnaires. A total of 342 respondents from youth volunteers selected from youth organization in Malaysia. All the data obtained were analyzed using SPSS. Results of the study showed that a majority of respondents was at high level of motivation (7.54), intention (7.44) and belief (7.44). Result of Pearson correlation shows that belief ($r = .697, p = .000$), motivation ($r = .874, p = .000$) and intention ($r = .287, p = .000$) had significant correlation towards participation in volunteers activities. Regression analysis shows that overall belief, motivation and intention contribute to youth participation in volunteering activities (86.7%). Results of this study can provide a significant contribution to assist those who are responsible in planning strategies and strengthen youth volunteers program and activities in Malaysia.

Keywords: *Youth Volunteers, Participation, Belief, Motivation, Intention*

PENGENALAN

Aktiviti sukarela di Malaysia telah lama diketahui dan menjadi alat penghubung kepada masyarakat (Hussain, 1986). Pada waktu dahulu, aktiviti sukarela lebih dikenali dengan nama gotong-royong dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat yang mendiami kampung-kampung. Gotong-royong seringkali dilaksanakan apabila masyarakat berhadapan dengan majlis perkahwinan, kematian dan juga kenduri-kendara. Menurut Azizan (2007), aktiviti sukarela yang berlaku dahulu sudah berbeza berbanding dengan aktiviti atau program sukarela pada masa ini. Aktiviti sukarela di Malaysia sekitar tahun 1960-an hingga 1980-an dipengaruhi oleh semangat kerjasama yang sangat jitu, malahan hampir kesemua aktiviti atau program yang hendak dilaksanakan telah dibawa ke meja perbincangan untuk mendapatkan sokongan semua pihak dalam sesebuah masyarakat itu.

Gaya hidup penduduk Malaysia selepas mencapai kemerdekaan dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu ekonomi, pendidikan, sosial dan politik. Kajian yang dijalankan oleh Maeda (1975) memberikan contoh yang jelas dalam urusan pengairan yang melibatkan satu tali air dengan beberapa orang pemilik tanah sawah. Semangat kerjasama dan sukarela yang ditunjukkan oleh pesawah adalah melepaskan air di petak-petak yang berada di bahagian hulu dan berakhir di bahagian hilir. Begitu juga dengan aktiviti pendidikan terutamanya sekitar tahun 1970. Kong (1976) mendapati pelajar universiti pada ketika itu akan menjalankan aktiviti pengembangan yang memberi tumpuan kepada khidmat sukarela dengan memberikan kerjasama kepada pembangunan masyarakat setempat. Pelajar akan mengambil peluang semasa cuti untuk keluar ke kampung-kampung memberikan khidmat sukarela dalam hal berkaitan dengan kesihatan, pendidikan, agama dan perhubungan sosial. Begitu juga dengan perkembangan politik semasa selepas kemerdekaan banyak dibantu oleh sukarelawan mahasiswa melalui pertubuhan atau persatuan belia yang terlibat dengan kempen pilihanraya (Hussain, 1986).

Walau bagaimanapun, program serta aktiviti sukarela pada masa kini semakin tersusun, malahan mempunyai platform seperti internet sebagai media perantaraan antara penganjur, sukarelawan dan juga masyarakat penerima. Umumnya, kita dapat merasai pertumbuhan program dan aktiviti sukarela dalam pelbagai aspek yang merangkumi kehidupan dan juga sistem ekologi manusia.

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan kempen 1 Malaysia Untuk Belia (1M4U) bagi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam aktiviti kemasyarakatan dengan menghulurkan tangan memberi bantuan serta sumbangan yang sewajarnya kepada seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan. Kempen ini juga menggunakan pendekatan secara holistik dengan mensasarkan individu, kumpulan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan juga sektor korporat untuk menarik golongan belia menyertai aktiviti dan program sukarela. Pihak kerajaan juga telah melantik 20 orang personaliti belia sebagai duta atau 1 Malaysia *ambassadors*' yang mewakili belia

daripada pelbagai aspek kerjaya dengan menonjolkan sumbangan signifikan mereka kepada negara. Selain itu, pihak kerajaan juga memberikan bantuan kewangan mengikut keperluan kepada aktiviti sukarela yang berasaskan kemasyarakatan (Utusan Malaysia, 2012).

Sungguhpun begitu, tahap kepercayaan, motivasi dan niat sukarelawan belia terhadap aktiviti sukarela di Malaysia masih kurang dibincangkan walaupun terdapat peningkatan program dan aktiviti sukarela di seluruh negara. Kajian terhadap faktor yang menyumbang kepada penglibatan belia terhadap aktiviti sukarela mendapati elemen agama, sosialisasi, masyarakat, pengetahuan, pengalaman, personaliti, kerjaya, dasar dan sokongan merupakan teras serta pendorong kepada sukarelawan untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Selain itu, kajian juga mendapati faktor demografi seperti latar belakang keluarga, taraf ekonomi, kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bidang pekerjaan, taraf pendidikan serta pendapatan sebagai penanda aras tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela (Turiman, Siti Raba'ah, Wan Mahzom, Mohd Rezal, Azizan, Ismail, Wan Ibrahim & Mohd Hafizi, 2011). Namun begitu, apakah aspek yang sebenar menjadi faktor penolak dan penarik bagi sukarelawan belia di Malaysia untuk terlibat dalam aktiviti sukarela?

Sorotan kajian

Teori gelagat terancang oleh Ajzen (1991) digunakan sebagai asas kepada kajian ini. Teori gelagat terancang merupakan satu model teoritikal yang seringkali dikaitkan dengan cabang psikologi sosial yang menerangkan situasi seseorang individu yang tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap sesuatu gelagat. Teori ini juga menjelaskan niat untuk melaksanakan sesuatu gelagat dipengaruhi oleh sikap terhadap gelagat, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap. Kajian ini akan menghuraikan faktor sikap dan faktor norma subjektif dalam teori berkenaan kepada dimensi yang lebih khusus iaitu kepercayaan, motivasi dan niat untuk menerangkan penyertaan golongan belia dalam aktiviti sukarela.

Walau bagaimanapun, belum ada kajian yang dilaporkan dalam bidang kesukarelawanan belia di Malaysia yang berasaskan teori gelagat terancang. Sebagai sebuah model dan juga teori umum yang menghuraikan tentang sikap, norma dan kawalan terhadap gelagat seseorang individu, dijangkakan teori ini dapat menerangkan dengan jelas faktor yang mempengaruhi penyertaan golongan belia terhadap aktiviti kesukarelawanan di Malaysia. Dalam kajian ini, faktor yang mempengaruhi penyertaan aktiviti kesukarelawanan ditentukan oleh tiga faktor utama iaitu kepercayaan, motivasi dan niat.

Kajian niat gelagat kepatuhan kepada aktiviti sukarela banyak dijalankan di luar negara. Menurut Law dan Shek (2009), aktiviti sukarela adalah cabang yang terpenting dalam tingkah laku prososial dan merupakan tingkah laku yang disebabkan oleh niat gelagat kepatuhan dalam diri. Aktiviti sukarela bukanlah aktiviti yang spontan,

malahan disebabkan oleh faktor sikap. Olson dan Zanna (1993) mengaitkan faktor kepercayaan, sikap dan niat gelagat kepatuhan lebih menonjol untuk memotivasikan seseorang individu agar terlibat dalam aktiviti sukarela. Bagi tujuan kajian ini, niat gelagat individu sukarela terhadap aktiviti sukarela ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap. Teori gelagat ini diramalkan dapat menerangkan gelagat manusia dalam gelagat yang lebih spesifik, iaitu penglibatan dengan aktiviti sukarela yang dipengaruhi oleh niat gelagat iaitu kepercayaan, motivasi dan niat. Kajian oleh penyelidik sukarelawan (Esmond, 1997; Clary, Snyder & Ridge, 1992; Cnaan & Goldberg-Glen, 1991; Greensdale & White, 2002; Law & Shek, 2009) mencadangkan faktor kepercayaan, motivasi dan niat memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap penglibatan sukarelawan belia.

Pengaruh faktor kepercayaan terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela

Kajian menunjukkan pengaruh faktor kepercayaan memberikan impak kepada sukarelawan untuk bergiat aktif dengan aktiviti sukarela. Ahli psikologi seperti Snyder (1993) dan Clary Snyder, Ridge, Copeland, Stukas, Haugen dan Miene (1998) mendapati bahawa kepercayaan adalah faktor perantara/mediator kepada personaliti dan tindakan bagi seseorang individu. Penglibatan individu dalam aktiviti sukarela tersebut ditentukan berasaskan sikap terhadap orang lain, kefahaman tentang keperluan sukarela dan juga keupayaan untuk berinteraksi sosial.

Kecenderungan untuk menyertai aktiviti sukarela turut dipengaruhi oleh pilihan sukarelawan itu sendiri terutamanya bentuk perkhidmatan dan juga keperluan dalam program sukarela. Menurut Marta dan Pozzi (2008), tahap kepercayaan yang tinggi bagi sukarelawan akan menentukan tahap motivasi mereka untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Ini dapat diterangkan mengikut teori tindakan beralasan (*theory of reasoned action*) oleh Fishbein dan Ajzen (2010) yang menerangkan perubahan sikap dan hubungannya terhadap tingkah laku dalam dua bahagian yang jelas, iaitu tingkah laku ditentukan melalui sikap spesifik terhadap sesuatu yang berasaskan kepercayaan pada diri sendiri tanpa dipengaruhi oleh sikap umum dan tingkah laku tidak hanya dipengaruhi oleh sikap tetapi oleh norma-norma subjektif. Dalam aktiviti kesukarelawanan, kecenderungan, minat, hasrat, kesetiaan adalah faktor yang mendorong kepercayaan sukarelawan untuk terus menyertai aktiviti dan program sukarela. Seterusnya, kesediaan untuk menderma dan menyumbang wang serta masa kepada organisasi sukarela juga merupakan faktor kepercayaan yang turut tersemat dan sebatik dalam diri sukarelawan melalui proses sosialisasi yang dibantu dengan sistem ekologi mereka.

Faktor kepercayaan terhadap aktiviti sukarelawan juga lahir daripada agama yang dianuti oleh penduduk di Malaysia. Dalam agama Islam, amalan bersedekah dan menderma telah disarankan dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 273 yang bermaksud "(Berinfaqlah) sedekah kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad)

di jalan Allah". Manakala bagi masyarakat berbangsa Cina yang beragama Buddha serta fahaman Confucius, amalan sukarelawan adalah teras kepada interaksi sosial mereka (Sun, 2008). Dalam agama Hindu pula, amalan kesukarelawanan menjadi satu medium kepada perhubungan kemasyarakatan yang amat jelas seperti yang dapat dilihat dalam perayaan hari Thaipusam di Malaysia, yang berjaya menghimpunkan semua lapisan masyarakat di rumah ibadat tertentu.

Kajian juga menunjukkan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap aktiviti sukarela dapat mendorong rakan serta keluarga untuk menyertai aktiviti sukarela. Penglibatan ibu bapa akan mendorong penglibatan anak-anak dalam aktiviti sukarela. Begitu juga dengan kaum keluarga yang lain seperti adik beradik, abang dan kakak serta adik akan terpengaruh dengan program serta aktiviti sukarela yang diikuti oleh mana-mana ahli keluarga mereka. Sikap positif yang ditunjukkan oleh sukarelawan seperti nilai altruistik dengan mengutamakan kebahagiaan serta kebajikan orang lain berbanding kebahagiaan serta kebajikan diri sendiri akan menjadi ikutan serta model kepada ahli keluarga yang terdekat.

Pengaruh faktor motivasi terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela

Pengaruh faktor motivasi dalam aktiviti sukarela telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas. Penyelidik terdahulu (Tapp & Spanier 1973; Howarth 1976; Morrow-Howell & Mui, 1989; Cnaan & Goldberg Glen, 1991; Esmond & Dunlop, 2004; Widjaja 2010) menerangkan terdapat tiga aspek penting yang menjadi teras kepada faktor motivasi sukarelawan untuk terlibat dengan aktiviti sukarela, iaitu sikap altruistik, kebendaan dan juga sosial. Kajian juga menunjukkan terdapat dua faktor lain yang mempengaruhi tahap motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela iaitu faktor intrinsik seperti sifat ego dan juga ekstrinsik iaitu penghargaan atau pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat (Finkelstein, 2008).

Ferreira (2012) dan rakan-rakan mengkategorikan motivasi dalam aktiviti sukarela terbahagi kepada empat aspek yang penting iaitu: 1) pembelajaran dan pembangunan; 2) sikap altruistik; 3) rasa kekitaan; dan 4) pengiktirafan kerjaya. Kategori pembelajaran dan pembangunan ialah motivasi yang memberi peluang kepada sukarelawan menerima pendedahan mengenai perspektif yang baru seperti mendapat kenalan baru yang boleh membantu dalam pembangunan kerjaya. Sukarelawan juga berpeluang menimba pengalaman dan berkongsi kepentingan semasa berkhidmat untuk masyarakat dalam aktiviti sukarela. Sikap altruistik dalam motivasi amat penting kepada aktiviti sukarela iaitu mendahulukan kebajikan orang lain berbanding dengan kebajikan sendiri (Monroe, 1996). Sebagai contoh, memiliki perasaan ingin membantu orang lain serta sifat belas kasihan terhadap orang yang dalam kesusahan merupakan motivasi yang menarik sukarelawan untuk aktif dalam aktiviti sukarela. Seterusnya, rasa kekitaan adalah motivasi yang berkait dengan interaksi sosial, persahabatan dan kasih sayang seperti dapat bertemu dengan rakan baru dan berinteraksi dengan pelbagai jenis orang (Latham, 2007). Pengiktirafan

kerjaya juga merupakan kategori yang penting sebagai motivasi kepada aktiviti sukarela. Sukarelawan lebih tertarik untuk terlibat dalam aktiviti dan program sukarela berdasarkan bidang kerjaya yang diceburinya atau memilih aktiviti yang boleh memantapkan lagi kerjaya seperti menambah senarai pengalaman dalam resume dan juga membuat hubungan baru dengan rakan perniagaan (Rhoden, Ineson, & Ralston, 2009).

Pengaruh faktor niat terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela

Kajian menunjukkan faktor niat mempunyai pengaruh terhadap penglibatan dalam aktiviti sukarela. Kajian oleh Vecina, Chacón, Sueiro dan Barrón (2011) mendapati faktor niat telah mempengaruhi sukarelawan yang baru untuk melibatkan diri dengan aktiviti sukarela. Seperti contoh, sukarelawan berkeinginan untuk memberikan khidmat tenaga kepada masyarakat yang memerlukan dengan membimbing masyarakat supaya mendapat kehidupan yang lebih baik. Selain itu, mereka juga berasa seronok dapat membantu dengan melakukan aktiviti yang lebih berfaedah seperti menjadi pembantu kepada program derma darah yang dijalankan di hospital. Faktor niat juga merupakan faktor intrinsik yang mendorong sukarelawan untuk lebih komited dengan aktiviti sukarela (McLean & Hamm, 2007). Sebagai contoh, faktor niat juga telah menyebabkan sukarelawan mempercayai bahawa kerja sukarela adalah nilai dan hak peribadi dan menganggap bahawa mereka patut untuk terlibat kerana kerja sukarela amat bermakna kepada diri mereka.

Malaysian People's Movement Party (Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Gerakan)	-	-	6	3.13	-
People's Progressive Party (Parti Progressif Penduduk Malaysia, PPP)	-	-	-	-	-
Parties in Sarawak	-	-	28	14.58	
Parties in Sabah	-	-	6	3.13	---
Barisan Alternatif (Alternative Front):	2,667,818	40.23	42	21.88	▲26
Islamic Party of Malaysia (Parti Islam SeMalaysia, PAS)	994,279	14.99	27	14.06	▲19
Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik, DAP)	830,870	12.53	10	5.21	▲3
National Justice Party (Keadilan) ¹	773,679	11.67	5	2.60	1
Parti Rakyat Malaysia (PRM)	68,990	1.04	0	0.00	0
Parti Bersatu Sabah (PBS) ²	143,342	2.16	3	1.56	▼5
State Reform Party ²	23,354	0.35	0	0	---
Malaysian Democratic Party (Parti Liberal Demokratik, LDP)	8,001	0.12	0	0.0	---
BERJASA	409	0.01	0	0	---
Parti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM)	274	0.00	0	0.0	---
Non-partisans	39,385	0.59	0	0	▼1
Overall total	6,631,094	100	192	100	N/A

Source: Sin Chew Jit Poh⁶

The 'Bersih' Rallies

After the 2008 12th General Election, the spirit and passion of Malaysians on democracy were being induced and ignited. As BN is still retaining the majority seat and continue as the ruling party, a series of arbitrary and unfair incidents happened that resulted in the dissatisfaction of the local citizens. The first incident will be the Bersih rally, also known as the Coalition for Clean and Fair Elections. It is a coalition of non-governmental organizations (NGOs) in Malaysia to seek for clean and fair elections through the reform of electoral system. Malaysian General Election was often being alleged as corrupted and dirty, manipulated by the Election Commission under the Prime Minister Department. Irregularities such as gerrymandering⁷, phantom voters, mal-apportionment⁸ and postal vote frauds are often cited as the factors that BN has all the time retaining the majority seats in election. In response to

⁶ Sources from Sin Chew Jit Poh, "Sin Chew Jit Poh Nationwide Result Statistics", 10 March 2008.

⁷ Griffith, Elmer (1907). *The Rise and Development of the Gerrymander*. Chicago: Scott, Foresman and Co. pp. 72–73. Gerrymandering is a practice that attempts to establish a political advantage for a particular party or group by manipulating district boundaries to create partisan advantaged districts.

⁸ Adam Liptak (2013), *Smaller States Find Outsize Clout Growing in Senate*, The New York Times. Malapportionment or misapportionment is the creation of electoral districts with divergent ratios of voters to representatives. For example, if one single-member district has 10,000 voters and another has 100,000 voters, voters in the former district have ten times the influence, per person, over the governing body.

that, Bersih rallies chaired by Dato' Ambiga Sreenevasan have been carried out for 3 times, in 2007, 2011 and 2012 respectively that recorded Bersih 1.0, Bersih 2.0⁹ and Bersih 3.0 incidents. Each rally recorded the number of protestors up to more than 10000 protestors, which consists of youth and adults that are democracy-spirited. In order to control and suppress the crowd, government through police officers set up road blocks, arrested Bersih supporters, threw tear gas and shot water cannons towards the protestors¹⁰. This Bersih movement is not being confined in Malaysia only but its effect has been spread globally and resulted in the Global Bersih movement in 38 international locations with 4003 overseas Malaysians in solidarity¹¹. The Bersih movement remarkably recorded the alive of democracy spirit among the Malaysians and showed that they are now aware of the democracy system and actively participate in self-governance.

The 13th General Election, 2013

The impact of 12th General Election and Bersih has influenced the recently held 13th General Election (GE13) on May 2013, which is another notable incident that marked the legacy of Malaysian youth democracy. In the GE13, although BN still retained the majority parliamentary seats by garnering 133 seats, it was the first time that its popular vote happened to be lower than that of Pakatan Rakyat¹². The Prime Minister, Datuk Seri Najib alleged that the lost of seats of BN is due to 'Chinese Tsunami' whereby most of the Chinese voted opposition instead. However, most of the analysts disagreed and criticized that it was 'Youth and Urban Tsunami' instead whereby the young and urban voters chose the opposition, whilst rural voters continued to support the incumbents.

The 13th General Election recorded the highest voting rate in Malaysian electoral history with a voting rate of 84.84%¹³. Among the 13.3 million of eligible registered voters, 25% which equivalent to 2.6 million of them are young first-time voters and the number is comparatively large comparing to 638000 of young voters in the 12th General Election¹⁴. The Election Commission has registered 2.4 million of first-time voters before the GE13. In a survey done by Universiti Malaya on January, it was shown that 52 percent of new voters backing opposition leader Anwar Ibrahim for prime minister, with Najib at 30%. This shows that the raise of awareness of politics

⁹ In Bersih 2.0, also known as the 'Walk for Democracy', the coalition requested for 8 demands, namely clean up of the electoral roll, reform of postal ballot, use of indelible ink, minimum 21 days of campaign period, free and fair access to mass media for all parties, strengthening of public institutions, no corruption and no dirty politics

¹⁰ Gooch, Liz (9 July 2011). *Thousands of Malaysians Rally for Changes to Elections*

¹¹ Statistic from Bersih Official Website. *Global Bersih 2.0 - The Awakening of the Malaysian Diaspora*

¹² Firdausi Suffian (14th November 2013), *Youths, politics and election in Malaysia*. In terms of popular votes, PR obtained 50.87%, higher than BN which secured only 47.38% in the election.

¹³ Sources from The Star Online (6th May 2013), *GE13: EC - Record 85% turnout; BN gets 46.5% of popular vote*

¹⁴ Siva Sithraputhran & Anuradha Raghu (29th April 2013), *Rise Of Young Voters Shifts Malaysia Election Balance*

and democracy among the youth that results in the increasing of voters and voting rate from the youth in the GE13. The young voters have no voting patterns to track from previous record, and were the most likely to be urban, having access to the internet, alternative and social media, and therefore more critical minded. The National Youth Survey claims that 73% of youths in Malaysia access the Internet every hour and 63% of them believe that the news published or twitted in the social media are somehow reliable. Hence, the political news and propaganda that being widespread in social media contributed to the maturity and awareness of the young voters on politics and democracy. Issues such as corruption, employment, rising cost of living, and escalating price of properties and high car prices are now the major concerns of the young voters, who have been known as the 'X Factor' that decides the winner of the election¹⁵.

Figure 3: Summary of the 2013 Malaysian Dewan Rakyat Election Results

	Votes	% of vote	Seats	% of seats	+/-
Barisan Nasional	5,237,986	47.38	133	59.91	▼7*
United Malays National Organization	3,252,484	29.45	88	39.84	▲9
United Traditional Bumiputera Party	232,390	2.10	14	6.31	—
Malaysian Chinese Association	867,851	7.86	7	3.15	▼6
Sarawak People's Party	59,540	0.54	6	2.70	—
Malaysian Indian Congress	286,629	2.59	4	1.80	▲1
United Sabah Party	74,959	0.68	4	1.80	▲1
Sarawak Progressive Democratic Party	55,505	0.50	4	1.80	—
United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation	53,584	0.48	3	1.35	▼1
Malaysian People's Movement Party	191,019	1.73	1	0.45	▼1
Sarawak United People's Party	133,603	1.21	1	0.45	▼5
United Sabah People's Party	9,467	0.08	1	0.45	—
Liberal Democratic Party	13,138	0.12	0	0.00	▼1
People's Progressive Party	7,530	0.07	0	0.00	—
Coalition of Opposition Parties	5,624,011	50.87	89	40.09	▲7
Democratic Action Party	1,736,601	15.71	38	17.12	▲10
People's Justice Party	2,254,211	20.39	30	13.51	▼1
Pan-Malaysian Islamic Party	1,633,199	14.77	21	9.46	▼2
Independents and others	192,890	1.75	0	0.00	—
Invalid/blank votes	173,661	—	—	—	—
Total	11,228,548	100	222	100	—
Registered voters/turnout	13,268,002	84.63	—	—	—

Meanwhile, the post-GE13 rally in Kelana Jaya that protested against the electoral fraud has shown a high level and adoption of democracy spirit as well. 120,000 protestors turned out in black in Kelana Jaya stadium supported Pakatan Rakyat and Datuk Seri Anwar in the rally. This shows that how courageous and mature Malaysian youth in 2013 by showing discontent and their disagreement towards the electoral fraud through participation in rally. On the other hand, the democratic spirit was being shown by a series of citizens' initiatives as well, i.e.

¹⁵ David CE Teh (16th May 2013), *Ethnic-based voting and young urban voters in GE13*

the PACABA (Polling Agent, Counting Agent, Barung Agent)¹⁶ initiative. Tindak Malaysia as the frontline NGO has initiated PACABA training workshops for more than 3000 volunteers in nationwide. 17 NGO's with up to 1000 volunteers have been appointed by the commission to be on duty at the polling centres. In addition, foreign observers, including 42 from ASEAN countries and secretariats are invited to observe the elections as well¹⁷. The growing number of citizen initiatives in this GE13 represents an increasingly politically aware and democratic-spirited Malaysia. Besides the voting rate and the citizens initiatives, we could observe the rise of democracy spirit among Malaysian youth through the increasing in dynamic and enthusiastic young leaders in Parliament as well. Nurul Izzah, Ong Kian Ming, Liew Chin Tong, Zairil Khir Johari and Rafizi Ramli are young leaders that symbolise intelligence, dedication and fresh ideas for Pakatan Rakyat. On the government side, we could observe Khairy Jamaluddin whose sincerity and capabilities remain to be seen as he now faces an uphill battle within the conservative and corrupt structure of his own party¹⁸. All of these young political leaders represent the voice of Malaysian youth in democracy and politics, at the same time inspired more youth to participate actively in politics by becoming role models.

CONCLUSION: PROBLEMS AND SOLUTIONS

Before 1990s, the concept of democracy in the perspective of youth in Malaysia was merely on theory and democracy on paper. The genuine spirit of democracy has not been lived by the Malaysian youth until the *Reformasi* movement in 1998. In the era of post-*Reformasi*, the youth became more politically aware and started to understand and embrace the concept of democracy as active participation in politics and self-governance. The youths started to think independently and critically and daring to fight for their personal rights and welfare. This is clearly seen through a series of demonstrations and rallies that were actively participated by the youth. Political information and knowledge regarding democracy were being widespread in social media that dominated by the youth. This is definitely a positive sign towards the development of Malaysian youth as well as the development of nation.

However, on the opposite side, there are problems among youth that may endanger the future of Malaysia especially difficulties in upholding the democracy spirit as well as the healthy political development. Looking at the rise of young voters and participation of youth in demonstrations and rallies, a lot of them do not understand fully on the concept of politics and democracy. The youth are highly

¹⁶ PACABA is an initiative that monitors elections to ensure that it is clean and fair. Since the early 2000's, it has been a regular feature in the Malaysian polls, with Malaysians for Free and Fair Elections (Mafrel), the National Institute for Electoral Integrity (NIEI) and SibU Election Watch (SEW) as some of the earlier watchdogs that were recognised by the Election Commission in the last election.

¹⁷ Hariati Azizan (28th April 2013), *GE13: On the Election Watch*.

¹⁸ Adil Johan (7th May 2013), *Young Voters Sparking New Politics in Malaysia*.

influenced by peers and the environment, particularly the social media. The malicious political that insulted certain politicians or parties can be seen widely on social media. Social media is being abused as a tool for certain youth to find entertainment as well as increasing their fame by posting controversial political opinions. Meanwhile, most of the youths do not understand the history and political landscape of Malaysia. Their political inclination and view are often naïve and decided based on what their peers around them think. This definitely destroys the essence of democracy whereby every single individual is supposed to be politically aware and educated in order to choose the best representative that can lead and represent the society well. A lot of people especially young voters are still voting the Member of Parliament based on the parties instead of the candidate. This is a sign of immaturity of democracy in Malaysia.

On the other hand, there are a lot of youth that still choose to blind-fold themselves towards politics. Majority of them ignored politics and opined that politics has no relevance to them at all. Malaysia has 29 million of population but only 13.2 million of them registered as voters in election. Among those who are not registered, 70% of the figures are aged between 21 to 40 years old¹⁹. This is probably caused by Malaysian educational system as well as the family background of the youth. Majority of the parents or guardians forbid and discourage the youth to be actively involved in politics. There are generation gaps between the Generation X (Guardians) and Generation Y. In the opinion of Generation X, politics are dirty elements that involved money and power and should be controlled by rich people only. As a consequence, the Malaysian youth are generally politically unaware and uneducated.

In order to curb the crises that mentioned above, everything should be started from the root, i.e. Education. In Malaysian education system, there is no politics and law education no matter in primary education or secondary education. The syllabus of the history subject is generally schematic and rather redundant for the growing of political and democratic mindset of the Malaysian youth. Therefore, politics and law education should be launched in Malaysian educational system as a formal and compulsory subject in order to prepare and set the awareness on politics and democracy among the students since young. At the same time, all parties that are responsible, i.e. the Government, the Schools and Teachers, the Parents and Guardians, the NGOs, the mass media should all collaborate and cooperate with each other by living the democracy spirit genuinely. Everyone in the nation should lead by example by equipping ourselves with all the political knowledge and practice it in daily life. There is no malicious accusations or conflicts, but there are only effort from all parties in order to achieve consensus albeit the difference in ideologies and mindset, for the sake of the future and development of nation and country.

¹⁹ Kimberly Yeo (13th April 2013), *Tomorrow's vote a mystery for today's youth*.

REFERENCES

- Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2011. *The Encyclopedia of Malaysia - The Rulers of Malaysia* 16, Editions Didier Millet
- Carnell, Francis G. (December 1955). "The Malayan Elections". *Pacific Affairs* (University of British Columbia) 28 (4): 315.
- Funston, John. 2001. "Malaysia: Developmental State Challenged". In John Funston (Ed.), *Government and Politics in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Griffith, Elmer. 1907. *The Rise and Development of the Gerrymander*. Chicago: Scott, Foresman and Co. Henderson, John William, Vreeland, Nena, Dana, Glenn B.,
- Hurwitz, Geoffrey B., Just, Peter, Moeller, Philip W. & Shinn, R.S. 1977. *Area Handbook for Malaysia*, p. 219. American University, Washington D.C., Foreign Area Studies.
- Hwang, In-Won 2003. *Personalized Politics: The Malaysian State under Mahathir*, p.78. Institute of Southeast Asian Studies.
- Lai Ah Eng. 2004. *Beyond rituals and riots: ethnic pluralism and social cohesion in Singapore*, Eastern Universities Press.
- Malaysia in history*. 1956. Malaysian Historical Society. Volumes 3–5, p 11.
- Means, Gordon P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Oxford University Press.
- Mohd Jali, Nazaruddin, Redzuan, Ma'arof, Abu Samah, Asnarulkhadi & Hj. Mohd Rashid, Ismail. 2003. *Malaysian Studies: Nationhood and Citizenship*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Osborne, Milton. 2000. *Southeast Asia: An Introductory History*. Australia: Allen & Unwin.
- Perumal, M. 1989. "Economic Growth and Income Inequality in Malaysia, 1957–1984". *Singapore Economic Review* 34 (2): 33–46.
- Saltman, Roy G. 2006. *The History and Politics of Voting Technology*. Palgrave Macmillan.

- Shuid, Mahdi & Yunus, Mohd. Fauzi. 2001. *Malaysian Studies*. Kuala Lumpur: Longman.
- Tan, Chee Koon & Vasil, Raj. 1984. *Without Fear or Favour*. Eastern Universities Press.
- Wu, Min Aun & Hickling, R. H. 2003. *Hickling's Malaysian Public Law*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

Author Profile:

Noor Sulastry Yurni Ahmad, PhD
Senior Lecturer
Political Sociology
Department of Anthropology & Sociology
Faculty of Arts & Social Sciences
University Malaya

SIKAP MUALAF CINA TERHADAP PEMBELAJARAN DAN PENGURUSAN JENAZAH

ABU DARDAA MOHAMAD, RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT
& AHMAD TARMIZI TALIB

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengenal pasti profil sikap pembelajaran dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah di kalangan Mualaf remaja Cina di Jabatan Agama Islam Selangor. Seramai 80 daripada 473 orang Mualaf remaja Cina telah terlibat dalam artikel ini. Statistik deskriptif menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk analisis taburan. Ujian *t* digunakan untuk melihat perbezaan manakala kolerasi Pearson untuk melihat hubungan antara pembolehubah sikap pembelajaran dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah. Hasil kajian mendapati Muallaf remaja Cina yang menjadi responden kajian ini mempunyai sikap pembelajaran yang tinggi, mereka secara keseluruhannya mencapai keputusan yang baik dalam bengkel yang dianjurkan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pembelajaran berdasarkan gender dan kajian ini juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pembelajaran dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah tersebut.

Kata Kunci: Sikap Pembelajaran, Remaja Cina, Muallaf, Bengkel Pengurusan Jenazah, Jabatan Agama Islam Selangor

ABSTRACT

This article aims to identify the learning attitude profile with Pengurusan Jenazah course achievement among youth Chinese Mualaf at State Religious Department of Selangor. 80 out of 473 youth Chinese Mualaf has been involved in this paper. Descriptive statistics using percentage, mean, standard deviation used for the distributional analysis. While the Pearson correlation used to look at the relationship between the variables of attitude of learning with Pengurusan Jenazah course achievement. The results showed that the Mualaf who are the respondents of this study have high levels of attitude of learning. Overall, they achieved good result in Pengurusan Jenazah course. There is no significant differences in learning attitude based on gender. The study also found that there is no significant relationship between learning attitude to Pengurusan Jenazah course achievement.

Keywords: Learning Attitude, Chinese Youth, Mualaf, Pengurusan Jenazah Course, State Religious Department of Selangor

PENDAHULUAN

Mayer dan Cobb (2000) mendefinisikan kecerdasan sikap pembelajaran sebagai kebolehan memproses maklumat berkaitan emosi dan mentakrifkannya sebagai persepsi, sikap, memendam perasaan dan juga pengurusan emosi. Sanitah dalam Mohd Azhar (2004) berpandangan sikap pembelajaran mempunyai peranan penting dalam bidang pendidikan, menjadi pendukung kepada kecerdasan intelek dan menjamin kualiti produk yang dihasilkan dalam setiap peringkat pendidikan sama ada kanak-kanak atau orang dewasa. Ahmad Shukri dalam Mohd Azhar (2004) pula melihat sistem pendidikan di Malaysia adalah berorientasikan akademik dan aspek-aspek teknikal yang bersifat logikal dan analitikal. Beliau berpandangan keadaan ini kurang sesuai dengan keperluan masa kini, individu yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam akademik perlu juga mempunyai sikap pembelajaran untuk berjaya dalam kehidupan berkerjaya dan kehidupan peribadi. Ini disokong dengan pandangan Mayer et al (1999) menyatakan bahawa kecemerlangan individu bergantung pada sikap pembelajarannya.

Kajian ini cuba melihat sikap pembelajaran berdasarkan sikap pembelajaran mengikut model Rosenberg dan Hovland (1960) yang dikemukakan oleh Rosenberg dan Hovland. Menurut beliau dalam mengharungi hidup ini, ketakutan, kerisauan dan mempengaruhi manusia dari hari ke hari. Individu yang mempunyai tahap sikap pembelajaran yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalin persahabatan dengan orang lain. Sikap pembelajaran ini memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan, kebahagiaan dan kecemerlangan seseorang sama ada dalam kehidupannya secara personel ataupun secara professional.

OBJEKTIF KAJIAN


Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti profil responden remaja Mualaf Cina dari segi jantina dan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah.
2. Mengenal pasti profil tahap sikap pembelajaran remaja Mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.
3. Melihat hubungan antara sikap pembelajaran responden dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini adalah adaptasi model teori sikap Rosenberg dan Hovland (1960) seperti kerangka di bawah:

Rajah 1: Teori Sikap Rosenberg dan Hovland (1960)



Sumber: Rosenberg dan Hovland (1960)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif. Responden kajian yang dipilih adalah 80 orang remaja Mualaf Cina daripada 473 orang remaja Mualaf Cina yang menyertai Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran Jabatan Agama Islam Selangor pada 15-17 November 2012 di Masjid Negeri Selangor. Penganjuran Bengkel ini dibuat setahun sekali. Instrumen yang digunakan adalah adaptasi Amira Shuhaida (2009) mengandungi 2 bahagian utama iaitu Bahagian A (maklumat Demografi) dan Bahagian C (Sikap Pembelajaran) yang menggunakan skala Likert 5 mata dalam menilai maklum balas responden kajian.

Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 11.5. Data diuji nilai signifikannya pada satu tahap ke ertian yang ditetapkan ($p=0.05$) bagi mengurangkan risiko melakukan ralat sebagaimana yang dicadangkan oleh Cohen dan Cohen's (1975). Pekali alpha Koefisien Cronbach digunakan telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti berikut:

Jadual 1: Pekali Alpha Koefisien Cronbach

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Hasil analisis kebolehpercayaan instrument ini secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Jadual 2: Reliability Statistics

Pengukuran	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Kecerdasan Emosi	0.8054	0.8061	50
Sikap Pembelajaran	0.8429	0.8588	26

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan sikap pembelajaran, menggunakan min, sisihan piawai dan peratus dan diinterpretasikan menggunakan nilai indeks seperti berikut:

Jadual 3: Analisis Statistik Deskriptif Sikap Pembelajaran

Nilai Peratus EQ	Interpretasi
81% - 100%	Trait sikap pembelajaran yang wujud dalam diri seseorang merupakan kekuatan bagi dirinya dan sepatutnya digunakan sepenuhnya.
61% - 80%	Trait sikap pembelajaran yang perlu dicari dalam diri seseorang boleh menjadi kekuatan bagi dirinya, namun ia perlu dicari dalam diri individu tersebut.
41% - 60%	Trait sikap pembelajaran yang diperlukan dalam diri seseorang perlu dibina kerana kewujudannya adalah di tahap yang lemah.
Kurang dari 40%	Trait sikap pembelajaran yang perlu ada dalam diri seseorang berada di tahap yang sangat lemah dan perlu dibina secepat mungkin.

Analisis statistik deskriptif juga digunakan untuk melaporkan dapatan daripada segi sikap pembelajaran menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Sumarni (2000) dan Jamil (2002) seperti jadual 4 berikut:

Jadual 4: Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Data juga akan dianalisis menggunakan kolerasi Pearson untuk menjelaskan arah dan magnitud hubungan antara pembolehubah yang dikaji berdasarkan nilai pekali kolerasi (r) untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji, sekiranya pekali kolerasi bernilai positif bermaksud hubungan berkadar terus antara pembolehubah yang dikaji dan sebaliknya (Mohd Majid 2005). Analisis data akan diinterpretasikan menggunakan anggaran kekuatan hubungan antara pembolehubah Joseph F. Healey et al (1997) seperti berikut:

Jadual 5: Analisis Kekuatan Hubungan antara Pembolehubah

Kekuatan Hubungan	Pekali Kolerasi
Lemah	Bawah 0.10
Sederhana	0.11 – 0.30
Kuat	0.31 ke atas

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibentangkan merangkumi aspek selari dengan objektif kajian. Dapatan kajian tersebut boleh diteliti berdasarkan kepada laporan yang diberikan dibawah:

Profil Sampel Kajian dari Segi Jantina dan Pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah

Profil Sampel Kajian yang dimaksudkan dijelaskan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 6: Profil Sampel Kajian dari Segi Jantina dan Pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah

Kategori	Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	39	48.8%
	Perempuan	41	51.3%
Skor Pencapaian	A	17	21.3%
Bengkel	A-	26	32.5%
Pengurusan	B+	24	30.0%
Jenazah	B ke bawah	13	16.2%

Jadual di atas menunjukkan komposisi dan perincian profil responden yang terlibat dalam kajian ini dari segi jantina dan skor pencapaian.

Profil Sikap Pembelajaran Responden Kajian

Dari segi sikap pembelajaran pula, profil responden adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 7: Profil Sikap Pembelajaran Responden

Domain Sikap Pembelajaran	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kognitif dan Pengetahuan	80	4.1148	0.35186	Tinggi
Efektif dan Perasaan	80	4.0525	0.37178	Tinggi
Tingkah laku	80	3.9050	0.57454	Tinggi
Min Purata		4.0241		Tinggi

Secara keseluruhannya, dapat dilihat berdasarkan jadual di atas bahawa sikap pembelajaran responden kajian ini bagi semua domain adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa remaja Mualaf Cina ini mempunyai sikap pembelajaran yang sangat tinggi kepada Bengkel Pengurusan Jenazah yang diikuti. Daripada sini dapat disimpulkan, mereka sangat berminat untuk mengetahui apa juga bentuk pengajaran yang diajar dalam kursus tersebut.

Perbezaan Profil Sikap Pembelajaran Responden Kajian Berdasarkan Jantina

Dari segi sikap pembelajaran remaja Mualaf Cina yang menjadi responden kajian berdasarkan jantina (lelaki 39 orang dan perempuan 41 orang) adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 8: Perbezaan Profil Sikap Pembelajaran berdasarkan Jantina

Domain EQ Piawai	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. P
Dimensi Kesedaran Diri	Lelaki	39	4.2000	0.40328	0.798	0.427
	Perempuan	41	4.1341	0.32910		
Dimensi Regulasi Kendiri	Lelaki	39	4.0000	0.33245	-1.982	0.051
	Perempuan	41	4.1488	0.33847		
Dimensi Motivasi Kendiri	Lelaki	39	4.0744	0.45290	-0.071	0.944
	Perempuan	41	4.0805	0.31482		
Dimensi Empati	Lelaki	39	4.0872	0.35922	-0.888	0.377
	Perempuan	41	4.1561	0.33470		
Dimensi Kemahiran Sosial	Lelaki	39	4.1205	0.42931	-1.301	0.197
	Perempuan	41	4.2293	0.31164		

Signifikan pada aras $p < 0.05$.

Keputusan ujian t berdasarkan jadual di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pembelajaran berdasarkan jantina dalam kalangan responden kajian berdasarkan jantina. Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa sikap pembelajaran samada responden lelaki atau perempuan terhadap Bengkel Pengurusan Jenazah tidak menjadi penyebab kepada minat atau tidak terhadap kursus yang diajar. Kesemua mereka mempunyai minat yang tinggi dan sama rata.

Perbezaan Profil Minat Responden Kajian Berdasarkan Jantina dalam Bengkel Pengurusan Jenazah.

Dari segi minat remaja Mualaf Cina yang menjadi responden kajian berdasarkan jantina (lelaki 39 orang pelajar dan perempuan 41 orang pelajar) terhadap kursus yang diajar adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 9: Profil Minat Responden Berdasarkan Jantina Terhadap Bengkel Pengurusan Jenazah

Domain Sikap Pembelajaran	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. P
Kognitif dan Pengetahuan	Lelaki	39	4.1212	0.39425	0.159	0.874
	Perempuan	41	4.1086	0.31110		
Efektif dan Perasaan	Lelaki	39	4.0564	0.36620	0.091	0.928
	Perempuan	41	4.0448	0.38152		
Tingkah laku	Lelaki	39	3.9231	0.69678	0.273	0.786
	Perempuan	41	3.8878	0.43600		

Signifikan pada aras $p < 0.05$.

Keputusan ujian t berdasarkan jadual di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat responden berdasarkan jantina kepada Bengkel Pengurusan Jenazah yang diajar. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden lelaki dan perempuan semuanya mempunyai minat yang sama dan tinggi dan ini mengukuhkan lagi dapatan kajian dari Jadual 8 sebelumnya yang menyimpulkan bahawa perbezaan jantina bukan penyebab kepada tinggi atau rendahnya sikap pembelajaran terhadap Bengkel Pengurusan Jenazah yang diajar kepada mereka.

Hubungan Antara Sikap Pembelajaran Responden Kajian dengan Pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah.

Analisis hubungan antara Sikap Pembelajaran pelajar dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah adalah seperti jadual berikut:

Jadual 10: Hubungan Antara Sikap Pembelajaran Responden dengan Pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah

Hubungan Pemboleh ubah	Nilai Kolerasi (<i>r</i>)	Aras Signifikan (<i>p</i>)	Jumlah Responden
Kognitif dan Pengetahuan	-0.016	0.887	80
Efektif dan Perasaan	0.096	0.398	80
Tingkah laku	-0.018	0.872	80

Aras Signifikan, $\alpha = 0.01$ (2 hujung)

Jadual di atas menunjukkan hubungan antara sikap pembelajaran remaja Muallaf Cina dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah. Bagi mencari hubungan tersebut, aras signifikan $\alpha = 1\%$ atau $\alpha = 0.01$ telah dipilih. Kesemua nilai *p* yang dicatat adalah lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.01$. Ini menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara sikap pembelajaran pelajar dengan pencapaian Bengkel Pengurusan Jenazah dalam kalangan responden kajian. Dengan lain perkataan, Bengkel Pengurusan Jenazah bukan menjadi penyebab kepada tinggi atau rendahnya sikap pembelajaran remaja Muallaf Cina. Jika diambil dari sikap ini, boleh disimpulkan bahawa, walau apapun kursus yang diajar, sikap pembelajaran mereka sememangnya tinggi. Secara psikologinya kesimpulan ini ada benarnya kerana sebagai golongan Muallaf mereka menghargai dan mempunyai minat yang sangat tinggi terhadap apa juga pengajaran yang berkaitan Islam yang diajar kepada mereka.

KESIMPULAN

Hasil analisis daripada kajian yang diperoleh secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap sikap pembelajaran dalam kalangan responden kajian adalah tinggi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pembelajaran dalam kalangan sampel kajian berdasarkan gender dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari kesemua domain sikap pembelajaran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, tidak terdapat hubungan di antara sikap pembelajaran dengan pencapaian responden Bengkel Pengurusan Jenazah. Oleh kerana itu, golongan Muallaf, tidak kira dari bangsa apapun mereka sememangnya mempunyai sikap pembelajaran dan minat yang sangat tinggi terhadap apa juga bentuk maklumat dan ilmu yang berkaitan dengan Islam. Sebagai golongan 'baru' dalam Islam, mereka akan cuba untuk mencari apa juga maklumat berkaitan Islam terutama melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap golongan ini, terutama Jabatan Agama Islam Negeri seharusnya merencanakan lagi proses perceraan ilmu-ilmu Islam ini kepada golongan Muallaf ini.

RUJUKAN

- Ahmad Shukri Mohd Nain. 2004. *EQ Memudahkan Pengurus*. Dalam Mohd Azhar Abd Hamid. 2004. Panduan meningkatkan kecerdasan emosi. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Amira Shuhaida Zainuddin. 2009. *Kecerdasan Emosi Dan Sikap Pembelajaran Ekonomi Asas Serta Implikasinya Terhadap Pencapaian: Kajian Di Daerah Kemaman*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Nordiana Mohd Nor. 2000. *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Prestasi Pencapaian Akademik*. Jurnal Pendidikan. Fakulti Pendidikan UTM.
- Cohen, J. & Cohen, P. 1975. *Applied Multiple Regression/ Correlation Analysis for the Behavioral Sciences*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Pub.
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence : Why It Can Matter More Than IQ*. New York : Bantam Books.
- Goleman, D. 1996. *What's Your Emotional IQ?* Reader's Digest. May, hal 17-20.
- Goleman, D. 1999. *Working With Emotional Intelligence*. New York : Bantam Books.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. 1997. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James, Poon Teng fatt. 2002. *Emotional Intelligence: For Human Resource Managers*. Management Research News. 25 (11). 57-74.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru Di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joseph, F. H., Earl, B. dan Freud, H. 1997. *Explaining Social Issues*. London: Pine Forge Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mayer, J. D., Caruso, R. & Salovey, P. 1999. *Emotional Intelligence Meets Traditional Standards For An Intelligence*. *Intelligence* 27: 267-298.
- Mayer, J. D. dan Cobb, C. D. 2000. *Educational Policy On Emotional Intelligence : Does It Make Sense?* *Educational psychology review* 12 : 163 – 183.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004). *EQ Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi, Siri Pembangunan Diri*. Bentong Pahang. PTS Publications
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Najib Ghafar. 2000. *Kestabilan Emosi Guru: Perbandingan Antara Pensyarah Dan Pelajar*. *Jurnal Teknologi*. 32 32 (E): 1-10.
- Mohd Nazar Mohamed. 1992. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putera Malaysia.
- Noriah, M. I., Zuria, M., Siti Rahayah, A. 2005. *Understanding Emotional Intelligence Of Malaysian Teachers*. *Proceeding untuk 12 th International Conference (ISATT) 2005* : 454-461.
- Noriah, M. I., Zuria, M., Siti Rahayah, A., Ramli, M., Ruhizan, M. Y., Norzaini, A., & Ruslin, A. 2004. *IRPA Executive Report MOSTI*.
- Norizan Abdul Razak. 2003. *Computer Competency Of In-Service ESL Teachers In Malaysian Secondary School*. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Asyiqin Najmuddin. 2005. *Sikap Dan Kerisauan Pelajar Matrikulasi Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prakas Rao Apparao. 2001. *Perkaitan Di Antara Kecerdasan Emosi Dengan Prestasi Akademik Mahasiswa Dan Mahasiswi di UTM*. Projek Sarjana Muda UTM.
- Rosenberg, M. J. & Hovland, C. I. 1960. *Attitude Organization and Change*. New Haven: Yale University Press.
- Sanitah Mohd Yusof. 2004. *Peranan EQ dalam Pendidikan. Dalam Mohd Azhar Abd Hamid*. 2004. *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sumarni Junin. 2000. *Kebimbangan dan Punca-Punca Kebimbangan Di Kalangan Pelajar Sebuah Sekolah Menengah Harian Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.

Zainuddin Bin Haji Yusoff (2000). *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Kepimpinan: Tinjauan Di Kalangan Pemimpin-pemimpin Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Projek Sarjana Muda. UTM. Tidak Diterbitkan.

Profil Penulis:

Abu Dardaa Mohamad
Pensyarah
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
abudardaamohamad@ukm.my

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, PhD
Prof. Madya
Ketua
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
zaliegh@yahoo.com

Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Ketua
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
tarmizi@putra.upm.edu.my

PERANAN AKHBAR MEMBENTUK BELIA BERWAWASAN

AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI, SITI ZOBIDAH OMAR
& LATIFAH ABD LATIP

ABSTRAK

Terdapat pelbagai maklumat yang dimuatkan dalam akhbar yang berupaya menambah dan meningkatkan pengetahuan belia. Namun demikian, penerimaan belia terhadap akhbar semakin menurun kerana faktor kurangnya minat membaca medium tersebut. Keadaan ini amat membimbangkan terutamanya dalam menyokong aspirasi kerajaan Malaysia untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan menjelang tahun 2020. Kerana itulah, kajian ini dijalankan untuk; mengenal pasti maklumat yang kerap diterbitkan di dalam akhbar; mengetahui maklumat yang kerap dibaca oleh belia; dan mengenal pasti faktor kepercayaan dalam akhbar. Penyelidikan telah dijalankan terhadap 387 orang belia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa maklumat yang kerap diterbitkan dalam akhbar ialah isu jenayah. Maklumat yang kerap dibaca oleh belia pula berupa berita hiburan, berita jenayah dan berita sukan. Dalam pada itu, hasil kajian menunjukkan akhbar hanya mengandungi elemen-elemen kepercayaan seperti pemilihan fakta, pemilihan topik, kebenaran berita, kredibiliti dan kesejahteraan masyarakat. Menjadi harapan agar hasil kajian ini dimanfaatkan oleh institusi akhbar dalam menerbitkan maklumat. Maklumat tersebut bukan sahaja dapat membentuk belia bermaklumat malah maklumat tersebut haruslah merupakan maklumat yang dipercayai faktanya.

Kata Kunci: Surat Khabar, Belia, Berita, Maklumat, Kepercayaan

ABSTRACT

There are abundance of information in the newspaper to enhance the youths' knowledge. However, today the youths' acceptance of newspaper is declining due to the lack of interest in the print media. This situation is alarming especially in supporting the Malaysian government aspirations to create a knowledgeable society by the year 2020. Thus, the study was conducted with the objectives of identifying information regularly published; to identify the types of news chosen by teenagers and to identify the factors that they believe in newspaper. A total of 387 youths in the Federal Territory, Kuala Lumpur were selected to be the respondents. The result shows that criminal news regularly published in the newspaper. At the same time, entertainment and health news were the most preferred news in the newspaper. The results also indicates that newspaper is accepted by the youths due to their belief factor such as selection of facts, selection of topics, news believability, credibility

and social concern. It is hoped that the results of this study will be able to assist the newspaper institutions to publish information where the information is important and reliable.

Keywords: *Newspapers, Youth, News, Information, Belief*

PENGENALAN

Akhbar berperanan menyampaikan maklumat terkini kepada pembaca. Ia juga dianggap sebagai nadi berita (Martinson & Hindman, 2005) dan tempat untuk khalayak menyuarakan pendapat (Siti Rodziah, 2009) mengenai pelbagai isu seperti isu ekonomi, politik dan sosial. Akhbar berperanan menyalurkan maklumat kepada masyarakat (McQuail, 2005) untuk membantu kerajaan membangunkan sosioekonomi negara, mencorak pemikiran, dan membentuk sikap masyarakat khususnya belia ke arah menjadi warganegara yang berakhlak dan berwawasan (Aminudin, Mohamad Basri & Nik Yusri, 2009). Seharusnya usaha murni akhbar ini disokong oleh segenap lapisan masyarakat supaya akhbar terus kekal menjadi saluran utama penyalur maklumat.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun akhbar merupakan medium utama menyalurkan maklumat, ia semakin kurang mendapat tempat dalam kalangan belia. Kajian oleh Jafre, Majis dan Anita (2011), menunjukkan hanya 38% belia masa kini yang membaca akhbar berbanding 54 peratus pada tahun 2008 (Nielsen, 2008). Penurunan ini berpunca daripada kurangnya minat membaca akhbar (Yahya & Wan Mat, 2011) yang disebabkan oleh kandungan berita dan maklumat di dalam Internet mempunyai lebih kebolehpercayaan seperti kredibiliti berbanding akhbar (Johnson & Kaye, 2002, Heflin, 2010). Kajian oleh Mohd Khairie, Mohd Baharudin, Suhaini, dan Mohd Hafidz (2005), menunjukkan media konvensional masih diterima oleh belia kerana adanya elemen kebolehpercayaan. Namun begitu, dari segi turutan tahap kebolehpercayaan didapati akhbar berada di tangga terakhir berbanding televisyen dan radio. Secara signifikannya menunjukkan bahawa akhbar semakin kurang diterima kerana kurang menerapkan faktor kebolehpercayaan. Situasi ini seharusnya tidak dipandang remeh oleh akhbar. Perancangan yang rapi perlu dibuat untuk menarik kembali perhatian dan kepercayaan belia terhadap akhbar kerana masa depan akhbar terletak dalam tangan mereka (Graybeal, 2011). Jika peratusan belia yang membaca akhbar terus menurun dikhuatiri akhbar akan hanya tinggal nama sahaja dan mungkin institusi akhbar akan kehilangan pembaca belia buat selama-lamanya (Speckman, 2006 dalam Huang, 2009).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti peranan akhbar dalam membentuk belia berwawasan. Manakala objektif khusus kajian pula adalah untuk:-

- 1) Mengetahui maklumat yang kerap diterbitkan di dalam akhbar;
- 2) Mengetahui maklumat yang kerap dibaca oleh belia; dan
- 3) Mengetahui faktor kepercayaan terhadap akhbar.

PERANAN AKHBAR MEMBENTUK BELIA BERWAWASAN

Kepelbagaian Maklumat

